

**PEMULIHARAAN BAHASA JAWA DI KALANGAN
MASYARAKAT JAWA DI KAMPUNG PARIT
LAPIS LAMAN, JOHOR.**

MASTIKA ADILAH BINTI ATAN

UNIVERSITI

MALAYSIA

UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

KELANTAN

2022



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

Pemuliharaan Bahasa Jawa Di Kalangan Masyarakat Jawa di Kampung Parit Lapis Laman, Johor.

Oleh

Mastika Adilah Binti Atan

Projek Penyelidikan ini dikemukakan untuk memenuhi keperluan bagi Ijazah
Sarjana Muda Pengajian Warisan Dengan Kepujian

Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan

Universiti Malaysia Kelantan

2022

PERAKUAN TESIS

Saya dengan ini mengesahkan bahawa kerja yang terkandung dalam tesis ini adalah hasil penyelidikan yang asli dan tidak pernah dikemukakan untuk ijazah tinggi kepada mana-mana Universiti atau institusi.

TERBUKA

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau akses terbuka dalam talian (teks penuh)

SEKATAN

Saya bersetuju bahawa tesis boleh didapati sebagai naskah keras atau dalam teks (teks penuh) bagi tempoh yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pengajian Siswazah

Dari tarikh _____ sehingga _____

SULIT

(Mengandungi maklumat sulit di bawah Akta Rahsia Rasmi 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat terhad yang ditetapkan oleh organisasi di mana penyelidikan dijalankan)

Saya mengakui bahawa Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak berikut. Tesis adalah milik Universiti Malaysia Kelantan. Perpustakaan Universiti Malaysia Kelantan mempunyai hak untuk membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian.

Mastika

Tandatangan

980413-01-7342

No. Kad Pengenalan

Tarikh: 28 Februari 2022

Tandatangan Penyelia

Dr. Ainul Wahida binti Radzuan

Nama Penyelia

Tarikh: 2 Mac 2022

DR. AINUL WAHIDA BINTI RADZUAN
Pensyarah Kanan
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan
Universiti Malaysia Kelantan

PENGHARGAAN

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan syukur Alhamdulillah ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan izin dan limpah kurniaNya, maka dapat saya menyiapkan dan menghasilkan projek penyelidikan ini dengan jayanya dalam tempoh masa yang ditetapkan walaupun telah menempuhi pelbagai dugaan dan rintangan.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Dr. Ainul Wahida binti Radzuan, selaku penyelia saya di atas sokongan, kesabaran, nasihat, dan bimbingan yang diberikan sepanjang melaksanakan projek penyelidikan ini. Setiap bantuan yang dihulurkan telah banyak mengajar saya untuk menjadi seorang penyelidik yang terbaik.

Dalam kesempatan ini, saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada kedua-dua ibu bapa yang saya hormati iaitu En. Atan bin Adnan dan Pn. Musriah binti Maliki atas budi bicara beliau dalam memberi dorongan dan sokongan kepada saya sepanjang melaksanakan projek penyelidikan ini. Tidak dilupakan juga kepada rakan-rakan seperjuangan saya yang banyak membantu dan memberi kerjasama bagi menyempurnakan projek penyelidikan ini.

Akhir sekali, ucapan ini juga ditujukan kepada pihak Universiti Malaysia Kelantan kerana telah memberi peluang kepada saya selaku pelajar di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan untuk menjalankan dan menyiapkan projek penyelidikan ini. Ucapan ribuan terima kasih turut ditujukan kepada semua responden-responden saya yang memberi kerjasama yang baik semasa penyelidikan ini dijalankan. Kerjasama semua amat dihargai.

Pemuliharaan Bahasa Jawa Di Kalangan Masyarakat Jawa Di Kampung Parit Lapis Laman, Johor.

ABSTRAK

Bahasa adalah asas kepada kehidupan manusia, dan ia diiktiraf sebagai salah satu warisan budaya tidak ketara masyarakat. Namun, kebanyakan orang Jawa pada masa kini kurang bercakap bahasa mereka dalam kehidupan seharian kerana mereka ingin dikenali sebagai orang Melayu dan menjadi moden. Sehubungan itu, mereka lebih suka bertutur dalam bahasa Melayu baku daripada bahasa Jawa, mengurangkan penggunaan bahasa Jawa hari demi hari. Oleh itu, kajian ini memfokuskan kepada sejauh mana bahasa Jawa telah dikekalkan dalam masyarakat Kampung Parit Lapis Laman, Johor. Kajian ini mengandungi tiga objektif: mengenal pasti variasi bahasa Jawa yang digunakan di Kampung Parit Lapis Laman, Johor; mengkaji penggunaan bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat; dan menganalisis mekanisme yang relevan dalam mengekalkan bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat Jawa. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan menggunakan pemerhatian bukan peserta dan temu bual separa berstruktur. Sepuluh orang responden telah mengambil bahagian dalam kajian ini, dan majoriti daripada mereka adalah masyarakat yang tinggal di Kampung Parit Lapis Laman, Johor. Semua maklumat yang diperolehi daripada kerja lapangan dianalisis dengan menggunakan analisis tematik. Kajian ini mendedahkan bahawa kebanyakan generasi muda kurang menggunakan bahasa Jawa dalam kehidupan seharian kerana kurangnya pendedahan di sekolah dan rumah, dan mereka terlalu malu untuk bertutur dalam bahasa Jawa. Bagi mengatasi masalah ini, mekanisme yang relevan perlu dilaksanakan dalam kalangan masyarakat Jawa di Johor seperti: menggunakan bahasa Jawa di rumah dan membentuk kelab bahasa Jawa di media sosial. Justeru, kajian ini penting dalam menyediakan perbincangan dan cadangan kritikal untuk mengekalkan bahasa Jawa sebagai sebahagian daripada warisan budaya tidak ketara sebelum ia lenyap buat selama-lamanya.

Kata Kunci: Bahasa Jawa, Identiti, Pemeliharaan, Pemuliharaan, Variasi Bahasa.

Safeguarding Javanese Language Amongst The Javanese Community In Kampung Parit Lapis Laman, Johor.

ABSTRACT

Language is fundamental to the life of human beings, and it is recognised as one of the intangible cultural heritage of the community. However, most Javanese nowadays have spoken less their language in their daily life as they want to be known as Malays and be modern. In that respect, they prefer to speak the standard Malay language rather than Javanese, decreasing the use of the Javanese language day by day. Therefore, this study focuses on the to which the Javanese language has been sustained in the community of Kampung Parit Lapis Laman, Johor. This study comprises of three objectives: to identify the variations of Javanese languages used in Kampung Parit Lapis Laman, Johor; to examine the use of Javanese language amongst the community; and to analyze the relevant mechanisms in sustaining the Javanese language among the Javanese community. This study employs a qualitative approach by using non-participant observation and semi-structured interviews. Ten respondents have participated in the study, and the majority of them were the communities who reside in Kampung Parit Lapis Laman, Johor. All the information obtained from the fieldwork were analysed by using thematic analysis. This study revealed that most of the younger generations are less likely to use the Javanese language in their daily life due to the lack of exposure at school and home, and they are too shy to speak the Javanese language. In order to overcome this problem, relevant mechanisms need to be implemented amongst the Javanese community in Johor, such as: using the Javanese language at home and forming a Javanese language club in social media. Thus, this study is essential in providing critical discussions and recommendations to sustain the Javanese language as part of intangible cultural heritage before it disappears forever.

Keywords: Javanese Language, Identity, Language Variation, Preservation, Sa

SENARAI JADUAL

- Jadual 3.1 Demografi Responden
- Jadual 3.2 Proses menetapkan kod untuk transkripsi temu bual
- Jadual 4.1 Variasi bahasa Jawa Kasar dan bahasa Jawa Halus
- Jadual 4.2 Golongan umur dan bahasa harian yang digunakan oleh masyarakat di
Kampung Parit Lapis Laman, Johor

SENARAI RAJAH

Rajah 3.1 Peringkat-peringkat dalam menganalisis data kualitatif



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

KANDUNGAN	HALAMAN
PERAKUAN TESIS	i
PENGHARGAAN	ii
ABSTRAK	iii
ABSTRACT	iv
SENARAI JADUAL	v
SENARAI RAJAH	vi
BAB 1 PENDAHULUAN	HALAMAN
1.0 Pengenalan	1
1.1 Pernyataan Masalah	2
1.2 Persoalan Kajian	4
1.3 Objektif Kajian	5
1.4 Kepentingan Kajian	5
1.4.1 Kepentingan Kajian Kepada Individu	6
1.4.2 Kepentingan Kajian Kepada Masyarakat	6
1.4.3 Kepentingan Kajian Kepada Institusi Pendidikan	7
1.5 Skop Kajian	7
1.6 Struktur Projek Penyelidikan	8
BAB 2 KAJIAN LITERATUR	
2.0 Pengenalan	10
2.1 Sejarah dan Perkembangan Masyarakat Jawa di Malaysia	10

2.2 Budaya dan Warisan Masyarakat Jawa di Malaysia	14
2.2.1 Takrifan Bagi Budaya	14
2.2.2 Takrifan Bagi Warisan	16
2.2.3 Takrifan Bagi Warisan Budaya Ketara dan Warisan Budaya Tidak Ketara	17
2.3 Warisan Budaya Tidak Ketara Masyarakat Jawa di Malaysia	18
2.4 Bahasa Merupakan Sebahagian Daripada Warisan Budaya Tidak Ketara: Bahasa Jawa	22
2.4.1 Takrifan Bagi Bahasa	23
2.4.2 Takrifan Bagi Bahasa Jawa Kasar dan Bahasa Jawa Halus	24
2.5 Kepentingan Bahasa Kepada Masyarakat	25
2.6 Lokasi Orang Jawa dan Bagaimana Mereka Berhubung Setiap Hari	27
2.7 Teori Interaksi Simbolik Dalam Penggunaan Bahasa Jawa	28
2.8 Penutup	30
BAB 3 METODOLOGI KAJIAN	
3.0 Pengenalan	32
3.1 Pendekatan Kajian	33
3.1.1 Pemerhatian	33
3.1.2 Temu Bual	34
3.2 Sumber Data Kajian	35

3.2.1 Sumber Primer	35
3.2.2 Sumber Sekunder	35
3.3 Alat Bantuan Kajian	36
3.3.1 Kamera	36
3.3.2 Alat Perakam Suara	37
3.3.3 Nota Lapangan	37
3.4 Responden Kajian	37
3.4.1 Umur	39
3.4.2 Pendidikan	39
3.4.3 Jenis Pekerjaan	40
3.5 Kaedah Analisis Data	40
3.5.1 Analisis Tematik	41
3.5.2 Peringkat-Peringkat Dalam Menganalisis Data Kualitatif	41
a) Transkripsi	42
b) Pengekodenan	43
c) Tema	44
d) Laporan	44
e) Triangulasi	45
3.6 Kesimpulan	45

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan	46
4.1 Adat Dan Budaya Jawa	46
4.2 Variasi Bahasa Jawa Yang Digunakan Di Kampung Parit Lapis Laman, Johor pada masa kini	59
4.2.1 Sejarah Masyarakat Jawa	49
4.2.2 Jenis Bahasa Jawa	51
4.2.3 Kepentingan Penggunaan Bahasa Jawa	53
4.2.4 Variasi Bahasa Jawa Yang Digunakan Oleh Masyarakat Jawa	56
4.3 Penggunaan Bahasa Jawa Oleh Masyarakat Di Kampung Parit Lapis Laman, Johor pada masa kini	60
4.3.1 Penutur Bahasa Jawa Mengikut Peringkat Umur	60
4.3.2 Aktiviti Sosial Yang Menggunakan Bahasa Jawa	64
4.3.3 Cara Berkomunikasi Masyarakat Jawa	66
4.4 Nilai Murni Dalam Penggunaan Bahasa Jawa	69
4.5 Cabaran Dalam Mengekalkan Penggunaan Bahasa Jawa	70
4.6 Mekanisme Yang Relevan Dalam Melestarikan Bahasa Jawa Dalam Kalangan Masyarakat Jawa di Kampung Parit Lapis Laman, Johor	74
4.6.1 Pelestarian Bahasa Jawa	74
4.7 Kesimpulan	76

BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN	
5.0 Pengenalan	78
5.1 Perbincangan	78
5.2 Penemuan Utama	80
5.3 Cadangan Kajian	81
GLOSARI ISTILAH BAHASA JAWA HALUS	84
GLOSARI ISTILAH BAHASA JAWA KASAR	85
RUJUKAN	87



BAB SATU

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Malaysia merupakan sebuah negara majmuk kerana mempunyai kepelbagaian bangsa, agama dan budaya. Walaupun Malaysia terdiri daripada pelbagai bangsa, agama, dan budaya namun Malaysia merupakan negara yang aman dan harmoni. Kepelbagaian bangsa, agama dan budaya ini merupakan salah satu keunikan yang terdapat di negara ini. Bahasa mempunyai peradaban yang tinggi bagi menyatukan sesebuah bangsa. Bahasa menggambarkan satu perkataan yang mempunyai hubungan antara kekuatan sesebuah bangsa atau negara. Hal ini kerana bahasa merupakan identiti bagi sesebuah negara. Oleh itu, identiti ini sangat penting bagi memupuk semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat. Bahasa juga dapat mencerminkan diri sesebuah masyarakat. Sesetengah bahasa akan terserlah kehebatannya jika mempunyai ciri-ciri kewibawaan dan keindahan yang diiktiraf oleh sejarah. Bahasa yang indah dan berwibawa mampu menyampaikan sesuatu mesej dengan lebih menarik dan berkesan kepada individu lain.

Sesetengah negeri di Malaysia mempunyai identiti bahasa dan dialek yang agak berbeza. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2021), dialek membawa maksud “satu bentuk bahasa yang diguna pakai dalam sesebuah daerah atau oleh sesebuah kelas sosial yang berbeza daripada bahasa standard dan loghat”. Dialek juga merupakan satu variasi bahasa yang telah dituturkan oleh sesebuah kumpulan sosial atau dalam sesebuah lapisan masyarakat. Bahasa dan dialek yang digunakan oleh sesetengah negeri di Malaysia kebiasaannya bertujuan untuk dijadikan sebagai aktiviti perhubungan seharian. Negeri yang mempunyai

bahasa dan dialek yang agak berbeza di negara ini adalah Kedah, Pulau Pinang, Perak, Kelantan, Terengganu dan Negeri Sembilan. Manakala, negeri Johor merupakan negeri yang mempunyai pelbagai bahasa lain yang digunakan selain daripada bahasa Melayu seperti bahasa Jawa, Bugis dan Banjar.

Bahasa Jawa merupakan sebahagian daripada bahasa Melayu yang tergolong dalam keluarga Austronesia. Masyarakat Jawa di Malaysia merupakan masyarakat Jawa dari Indonesia yang paling ramai berhijrah ke Malaysia (Harun & Yusof, 2015). Oleh itu, penggunaan bahasa Jawa telah lama digunakan oleh golongan masyarakat yang berketurunan Jawa sejak zaman dahulu. Bahasa Jawa merupakan bahasa yang digunakan oleh masyarakat berketurunan Jawa sebagai bahasa komunikasi antara satu sama lain. Walau bagaimanapun, masyarakat Jawa di Malaysia pada masa kini masih menggunakan bahasa Jawa ini sebagai bahasa pertuturan seharian. Namun begitu, variasi bahasa Jawa yang digunakan oleh masyarakat Jawa di Malaysia pada masa kini adalah bahasa Jawa kasar dan mereka tidak menggunakan bahasa Jawa halus kerana mereka kurang mahir dan kurang menguasai kosa kata dalam bahasa Jawa halus (Pawit & Said, 2014).

1.1 Pernyataan Masalah

Bahasa Jawa merupakan salah satu bahasa minoriti yang masih digunakan oleh masyarakat Jawa yang tinggal di Malaysia. Bahasa Jawa dapat menggambarkan identiti bagi sesebuah komuniti. Namun begitu, pada masa kini bahasa Jawa hanya diketahui oleh masyarakat yang lebih berusia dalam kalangan masyarakat Jawa. Perkara ini telah menjadikan kebanyakan golongan muda tidak mengetahui mengenai bahasa Jawa dengan lebih mendalam. Menurut Harun dan Yusof (2015), antara faktor yang menyebabkan

kebanyakan masyarakat Jawa tidak menggunakan bahasa Jawa sebagai bahasa pertuturan kerana mereka ingin dikenali sebagai Melayu. Harun dan Yusof (2015) juga menjelaskan masyarakat Jawa kini lebih menggunakan bahasa Melayu kerana pada pandangan mereka penggunaan bahasa Jawa akan menyebabkan mereka dikenali sebagai orang kampung, orang yang tidak berpendidikan, dan seorang petani. Mereka juga berpendapat bahawa mereka akan dikaitkan dengan arus kemodenan sekiranya menggunakan bahasa Melayu (Harun & Yusof, 2015). Perkara ini telah menyebabkan kebanyakan masyarakat Jawa tidak mengamalkan penggunaan bahasa Jawa sebagai bahasa pertuturan.

Seterusnya, menurut Harun dan Yusof (2015), pengaruh bahasa Melayu merupakan antara faktor yang menyebabkan penggunaan bahasa Jawa semakin rendah. Masyarakat Jawa lebih menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan kerana bahasa Melayu berfungsi sebagai bahasa rasmi dan bahasa kebangsaan. Masyarakat pada masa kini kurang menggunakan bahasa Jawa sebagai bahasa perantaraan terutamanya dalam kalangan generasi muda. Terdapat juga golongan masyarakat yang hanya memahami beberapa perkataan bahasa Jawa kasar namun tidak mampu untuk memahami secara keseluruhannya. Bahkan terdapat juga golongan masyarakat terutamanya generasi muda yang tidak memahami langsung bahasa Jawa kasar pada masa kini. Perkara ini telah menjadikan anak muda kurang mengetahui mengenai bahasa Jawa.

Selain itu, menurut Pawit dan Said (2014), masyarakat Jawa di Malaysia pada masa kini masih menggunakan bahasa Jawa sebagai bahasa pertuturan seharian. Namun begitu, variasi bahasa Jawa yang digunakan oleh masyarakat Jawa di Malaysia pada masa kini adalah bahasa kasar. Masih terdapat masyarakat Jawa yang menggunakan bahasa Jawa dalam kehidupan seharian tetapi penggunaannya adalah semakin berkurangan dari hari ke

hari. Perkara ini terjadi kerana bahasa Jawa kurang dipraktikkan dalam kehidupan seharian oleh masyarakat Jawa.

Oleh itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengenal pasti variasi bahasa Jawa yang digunakan di Kampung Parit Lapis Laman, Johor pada masa kini, mengkaji penggunaan bahasa Jawa oleh masyarakat di Kampung Parit Lapis Laman, Johor pada masa kini dan menganalisis mekanisme yang relevan dalam melestarikan bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat Jawa di Kampung Parit Lapis Laman, Johor.

Tujuan kajian ini dilaksanakan adalah untuk mendedahkan kepada golongan muda masyarakat Jawa mengenai kepentingan memelihara bahasa ibunda mereka iaitu bahasa Jawa agar bahasa Jawa ini dapat dikekalkan kerana sekiranya bahasa Jawa tidak diamalkan dalam kehidupan seharian maka masyarakat Jawa juga akan mengalami proses kepupusan di negara ini.

1.2 Persoalan Kajian

Berdasarkan pernyataan masalah yang dinyatakan di atas, terdapat tiga persoalan dalam kajian ini iaitu:

- 1) Apakah variasi bahasa Jawa yang digunakan di Kampung Parit Lapis Laman, Johor pada masa kini?
- 2) Adakah bahasa Jawa masih digunakan oleh masyarakat di Kampung Parit Lapis Laman, Johor pada masa kini?

3) Apakah mekanisme yang relevan dalam melestarikan bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat Jawa di Kampung Parit Lapis Laman, Johor?

1.3 Objektif Kajian

Terdapat tiga objektif dalam menjalankan kajian ini iaitu:

- 1) Mengenal pasti variasi bahasa Jawa yang digunakan di Kampung Parit Lapis Laman, Johor pada masa kini.
- 2) Mengkaji penggunaan bahasa Jawa oleh masyarakat di Kampung Parit Lapis Laman, Johor pada masa kini.
- 3) Menganalisis mekanisme yang relevan dalam melestarikan bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat Jawa di Kampung Parit Lapis Laman, Johor.

1.4 Kepentingan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk mengetahui sejauh mana pemuliharaan bahasa Jawa di Kampung Parit Lapis Laman, Johor. Pemuliharaan bahasa Jawa dalam kalangan komuniti di kawasan ini dapat diketahui dengan melihat penggunaan bahasa Jawa dalam kehidupan seharian mereka. Berdasarkan kesedaran ini, pengkaji mendapati bahawa kajian ini perlulah dilakukan secara menyeluruh bagi tujuan menganalisis mekanisme yang relevan dalam melestarikan bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat Jawa di Kampung Parit Lapis Laman, Johor agar penggunaan bahasa Jawa dapat dikekalkan dalam kalangan masyarakat Jawa di kawasan ini. Tujuan kajian ini juga dilaksanakan adalah untuk meningkatkan

penggunaan bahasa warisan ini iaitu bahasa Jawa dalam kalangan komuniti di kawasan ini. Terdapat beberapa kepentingan yang akan diperolehi daripada kajian yang dilaksanakan ini.

1.4.1 Kepentingan Kajian Kepada Individu

Antara kepentingan kajian ini kepada individu adalah dapat meningkatkan nilai-nilai dalam kalangan masyarakat Jawa. Penggunaan bahasa Jawa akan dapat meningkatkan nilai-nilai murni seperti nilai kesopanan dalam diri setiap masyarakat Jawa. Bahasa Jawa merupakan bahasa pertuturan yang mendidik mereka untuk lebih bersikap kesopanan dan menghormati golongan yang lebih berusia. Oleh itu, kajian ini dapat membantu masyarakat Jawa untuk mempraktikkan bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat berketurunan Jawa agar dapat meningkatkan nilai-nilai murni dalam kalangan mereka.

1.4.2 Kepentingan Kajian Kepada Masyarakat

Antara kepentingan kajian ini kepada masyarakat adalah dapat mengekalkan bahasa ibunda iaitu bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat Jawa. Pada masa kini, penggunaan bahasa Jawa semakin hari semakin kurang penggunaannya dalam kalangan masyarakat Jawa terutamanya golongan muda kerana mereka tidak didedahkan dengan penggunaan bahasa Jawa sejak daripada kecil. Oleh itu, kajian yang akan dijalankan ini dapat membantu golongan muda berketurunan Jawa untuk menggunakan bahasa ibunda mereka iaitu bahasa Jawa dalam kehidupan seharian.

1.4.3 Kepentingan Kajian Kepada Institusi Pendidikan

Antara kepentingan kajian ini kepada institusi pendidikan adalah dapat membantu pengkaji yang seterusnya untuk menjalankan kajian dengan lebih mendalam mengenai bahasa Jawa. Kajian ini juga dilakukan bagi membantu pengkaji seterusnya untuk menjadikan kajian ini sebagai sumber rujukan dan panduan pada masa akan datang.

1.5 Skop Kajian

Kajian ini tertumpu kepada sebuah kampung iaitu Kampung Parit Lapis Laman yang terletak di Batu Pahat, Johor. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji pelestarian bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat di Kampung Parit Lapis Laman, Johor. Kampung Parit Lapis Laman ini terdiri daripada kalangan masyarakat Jawa yang keseluruhannya beragama Islam. Kesemua maklumat yang diterima dalam kajian ini adalah daripada kampung tersebut melalui kaedah pemerhatian dan temu bual. Skop kajian ini tertumpu di kampung ini kerana kebanyakan masyarakat di kampung ini adalah masyarakat Jawa tetapi mereka kurang mengamalkan penggunaan bahasa Jawa. Kajian ini tertumpu kepada masyarakat di antara lingkungan umur 18 sehingga 60 tahun ke atas dan saiz sampel adalah terdiri daripada 10 orang responden. Dalam melaksanakan kajian ini, penyelidik menggunakan kaedah kualitatif bagi mengumpulkan data yang diperlukan dalam kajian ini.


1.6 Struktur Projek Penyelidikan

Projek penyelidikan ini mengandungi lima bab. Selepas bab ini adalah bab dua. Bab dua menerangkan mengenai kajian literatur yang berkaitan dengan pelestarian bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat Jawa. Bab ini juga menerangkan mengenai sejarah dan perkembangan masyarakat Jawa di Malaysia, budaya dan warisan masyarakat Jawa di Malaysia, warisan budaya tidak ketara masyarakat Jawa di Malaysia, kepentingan bahasa kepada masyarakat, dan teori interaksi simbolik dalam penggunaan bahasa Jawa. Bab tiga pula menjelaskan mengenai metodologi kajian yang digunakan dalam kajian ini. Bab ini menerangkan mengenai pendekatan kualitatif yang digunakan oleh pengkaji iaitu melalui kaedah temu bual dan kaedah pemerhatian. Dalam bab ini, pengkaji telah menebual seramai 10 responden bagi mengumpulkan data mengenai kajian yang dijalankan. Bab ini juga menjelaskan mengenai analisis tematik yang digunakan dalam kajian ini bagi menganalisis data yang diperolehi. Seterusnya, bab empat menjelaskan mengenai hasil dapatan kajian bagi menjawab setiap objektif dalam kajian ini. Terdapat enam bahagian tema yang telah disusun mengikut kesesuaian iaitu adat dan budaya Jawa, variasi bahasa Jawa yang digunakan di Kampung Parit Lapis Laman, Johor pada masa kini, penggunaan bahasa Jawa oleh masyarakat di Kampung Parit Lapis Laman, Johor pada masa kini, nilai murni dalam penggunaan bahasa Jawa, cabaran dalam mengekalkan penggunaan bahasa Jawa, dan mekanisme yang relevan dalam melestarikan bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat Jawa di Kampung Parit Lapis Laman, Johor. Bab lima pula membincangkan mengenai kesimpulan menyeluruh mengenai pelestarian bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat Jawa di Kampung Parit Lapis Laman, Johor. Pengkaji turut menyertakan cadangan bagi menambahbaik langkah dalam mengekalkan penggunaan bahasa Jawa daripada hilang


ditelan zaman iaitu ibu bapa perlulah mendedahkan penggunaan bahasa Jawa kepada anak-anak mereka sejak daripada kecil.



UNIVERSITI



MALAYSIA



KELANTAN

BAB DUA

KAJIAN LITERATUR

2.0 Pengenalan

Bab Dua membincangkan mengenai kajian yang telah dijalankan oleh pengkaji-pengkaji terdahulu mengenai masyarakat Jawa termasuklah pemuliharaan bahasa Jawa di kalangan masyarakat Kampung Parit Lapis Laman, Johor. Seterusnya, sejarah dan perkembangan masyarakat Jawa di Malaysia dari dahulu telah dibincangkan sehingga kini dan dapat dilihat telah mempengaruhi penggunaan bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat Jawa di Malaysia. Terdapat juga budaya dan warisan masyarakat Jawa di Malaysia yang turut dijelaskan bagi melihat sejauh mana nilai budaya yang terdapat dalam sesebuah masyarakat Jawa itu. Bahasa Jawa yang digunakan dalam kalangan masyarakat Jawa juga merupakan sebahagian daripada warisan budaya tidak ketara bagi masyarakat ini. Berdasarkan kajian ini juga, lokasi masyarakat Jawa yang menetap di Malaysia dan cara mereka berhubung antara satu sama lain telah dapat dikenal pasti. Selain itu, kajian ini menggunakan teori interaksi simbolik dalam membincangkan pemuliharaan bahasa Jawa dalam komuniti di Kampung Parit Lapis Laman, Johor.

2.1 Sejarah Dan Perkembangan Masyarakat Jawa Di Malaysia

Masyarakat Jawa dari Indonesia merupakan salah sebuah masyarakat yang bermigrasi ke Tanah Melayu dan masih menetap sehingga kini. Masyarakat Jawa mula bermigrasi ke Tanah Melayu pada abad ke sembilan (Tamrin, 1977). Walau bagaimanapun, Sukimi

(2009) berpendapat bahawa sebelum abad ke-19, migrasi penduduk telah berlaku di Tanah Melayu. Migrasi yang berlaku dikalangan masyarakat Jawa dari Indonesia ke Tanah Melayu pula berlaku pada abad ke-19 dan abad ke-20 iaitu pada sekitar 1980-an. Oleh itu, masyarakat pada zaman dahulu telah lama hidup sebagai masyarakat yang berpindah randah. Masyarakat Jawa mempunyai banyak suku kaum antaranya ialah masyarakat Bawean dan masyarakat Madura. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Sukimi (2009), masyarakat Jawa Bawean merupakan masyarakat yang mula bermigrasi ke Tanah Melayu berbanding masyarakat Jawa Madura yang didapati bermigrasi ke Tanah Melayu sekitar tahun 1990an (Sukimi, 2009).

Salah satu etnik masyarakat Jawa adalah masyarakat Madura. Masyarakat Madura dikenali sebagai komuniti diaspora kerana mereka dikenali sebagai masyarakat Melayu yang membina penempatan di Semenanjung Malaysia. Komuniti diaspora merupakan komuniti dari negara asal yang bermigrasi ke negara lain. Masyarakat Madura dikenali sebagai masyarakat Melayu kerana mereka mempunyai adat tradisi yang hampir sama dengan masyarakat Melayu. Mereka juga telah dikenali sebagai kaum yang suka berhijrah disebabkan oleh kawasan penempatan asal mereka tidak dapat untuk menjalankan aktiviti bercucuk tanam kerana kawasan mereka merupakan kawasan yang tandus (Sukimi, 2009). Masyarakat Madura atau lebih dikenali sebagai masyarakat Jawa lebih tertarik untuk bermigrasi ke Tanah Melayu disebabkan oleh negara ini mempunyai ekonomi yang mapan sehingga boleh mewujudkan peluang pekerjaan kepada masyarakat luar (Sukimi, 2009).

Pada mulanya, masyarakat Melayu yang datang ke Tanah Melayu masih belum mempunyai identiti sendiri. Hal ini dikatakan demikian kerana masyarakat Melayu pada ketika itu masih belum mempunyai budaya serta adat tradisi mereka sendiri. Namun, setelah

berlakunya proses penyerapan atau asimilasi budaya masyarakat setempat menjadikan mereka turut mengikuti budaya dan adat tradisi yang terdapat di Malaysia (Sukimi, 2009). Namun begitu, bagi masyarakat Madura yang datang ke Malaysia sebelum kemerdekaan, mereka merupakan masyarakat yang telah mempunyai identiti diri yang agak kuat kerana mereka telah mengalami proses penyerapan kebudayaan di kawasan asal mereka iaitu di Pulau Madura sebelum mereka datang ke Malaysia (Sukimi, 2009). Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh Sukimi (2009), kedatangan masyarakat Madura ke Tanah Melayu semakin bertambah dari hari ke hari. Perkara ini telah menjadikan identiti mereka mula diterima dalam kalangan masyarakat Melayu di negara ini yang dilihat sama tetapi berbeza dari segi proses komunikasi.

Pada permulaan abad ke-19, pihak Inggeris yang menetap di Tanah Melayu mengalami kekurangan tenaga kerja kerana penduduk tempatan tidak berminat untuk menjadi tenaga buruh dalam sektor peladangan kepada penjajah Inggeris. Bagi menyelesaikan masalah kekurangan tenaga kerja yang berlaku, pihak Inggeris telah menggalakkan kemasukan masyarakat Indonesia ke Tanah Melayu dan membuka kawasan baru di luar bandar agar berlaku proses migrasi (Tamrin, 1977). Proses migrasi yang berlaku dalam kalangan masyarakat Jawa ke Tanah Melayu adalah disebabkan oleh pintu masuk Singapura yang sentiasa terbuka. Ini adalah kerana Singapura merupakan salah satu kawasan persinggahan pada ketika itu yang menawarkan kerja seperti tenaga buruh dari sektor perladangan dan perlombongan (Sukimi, 2009).

Seterusnya, kedatangan masyarakat Jawa ke Tanah Melayu mula diketahui pada abad ke-20. Kedatangan masyarakat Jawa semakin meningkat ke Tanah Melayu kerana mereka menganggap bahawa kehadiran mereka ke negara ini dapat membantu meningkatkan

pendapatan ekonomi mereka dengan lebih baik dan mempunyai kehidupan yang lebih selesa berbanding sebelum ini (Sukimi, 2009). Namun demikian, masyarakat Jawa Madura yang bermigrasi ke Tanah Melayu tidak mempunyai ciri - ciri kepimpinan dalam kalangan mereka kerana mereka dikatakan datang ke Tanah Melayu tanpa seorang ulama atau lebih dikenali sebagai ketua pemimpin. Masyarakat Madura juga dikatakan tidak begitu mesra dengan masyarakat setempat. Perkara ini terjadi kerana mereka lebih selesa untuk hidup hanya bersama dengan masyarakat mereka sahaja. Mereka tidak mahu bergaul dengan masyarakat setempat dan menetap di kawasan tersembunyi seperti di kawasan setinggan (Sukimi, 2009).

Menurut Perlembagaan Persekutuan (1963), agama Islam merupakan agama rasmi dan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan di Malaysia. Majoriti masyarakat di Malaysia merupakan masyarakat Melayu yang beragama Islam dan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi. Oleh itu, perkara ini menjadikan masyarakat Jawa yang telah lama menetap di Malaysia boleh diklasifikasikan sebagai sebahagian daripada masyarakat Melayu kerana mereka turut beragama Islam dan menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi (Rofil et al., 2015). Pada masa kini, masyarakat berketurunan Jawa merupakan antara kaum yang mempunyai populasi yang tertinggi jika dibandingkan dengan kaum lain seperti etnik Bugis dan Bajau yang turut bermigrasi di Malaysia. Masyarakat Jawa yang menetap di negara ini telah menggunakan bahasa Jawa sebagai bahasa komunikasi dalam kalangan mereka (Harun & Yusof, 2015).

Walaupun masyarakat Jawa sudah lama menetap di Malaysia, namun mereka masih mengekalkan adat di dalam masyarakat Jawa sepertimana yang diamalkan oleh nenek moyang mereka. Perkara ini menjelaskan bahawa masyarakat Jawa sangat menjaga adat

tradisi masyarakat mereka (Likin, 2009). Masyarakat Jawa mempunyai banyak warisan budaya dan adat tradisional Jawa yang ditinggalkan oleh masyarakat terdahulu dan masih dikekalkan dan diamalkan sehingga kini (Likin, 2009). Namun, terdapat juga percampuran di antara budaya Jawa dan budaya masyarakat Melayu dan di antaranya adalah penggunaan bahasa seharian mereka. Masyarakat Jawa juga didapati telah menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam pertuturan seharian. Hal ini dikatakan kerana bahasa Melayu merupakan bahasa yang sering digunakan di peringkat sekolah bagi golongan muda masyarakat Jawa dan menjadikan generasi muda masyarakat Jawa di Malaysia lebih selesa untuk menggunakan bahasa Melayu jika ingin dibandingkan dengan bahasa ibunda mereka iaitu bahasa Jawa (Shahbuddin & Omar, 2020).

2.2 Budaya Dan Warisan Masyarakat Jawa Di Malaysia

2.2.1 Takrifan Bagi Budaya

Kebudayaan menurut Ramli dan Jamaludin (2016, hlm. 196) ditakrifkan sebagai “...perkataan yang terpisah iaitu ‘budi’ dan ‘daya’. Kalimah ‘budi’ bererti cahaya atau sinar yang terletak di dalam batin manusia. Perkataan ‘daya’ bertalian dengan upaya iaitu usaha, keaktifan manusia melaksanakan dengan anggotanya apa yang digerakkan oleh budinya”.

Dari sudut terminologi, kebudayaan adalah keseluruhan kompleks yang merangkumi pengetahuan, kepercayaan, seni, moral, undang-undang, adat, dan kemampuan dan kebiasaan lain yang diperoleh manusia sebagai anggota masyarakat (Taylor, 2009). Kebudayaan membawa maksud sebagai salah satu aktiviti kehidupan yang dilakukan oleh sesebuah komuniti. Kebudayaan juga merupakan tradisi turun temurun dan merupakan

salah satu identiti yang diamalkan dalam sesebuah kelompok komuniti (Wahid & Ayob, 2012).

Menurut Lebron (2013, hlm. 127), budaya merupakan, “...*unique characteristic of a social group; the values and norms shared by its members set it apart from other social groups and is influenced by conscious beliefs*”. Berdasarkan Lebron (2013, hlm. 127), budaya adalah ciri unik kumpulan sosial iaitu nilai-nilai dan norma yang dikongsi oleh ahli-ahlinya yang membezakannya dari kumpulan sosial yang lain dan dipengaruhi oleh kepercayaan sedar. Manakala Lee (2006, hlm. 95) menyatakan bahawa budaya adalah:

Culture refers to society and its way of life. It is defined as a set of values and beliefs, or a cluster of learned behaviors that we share with others in a particular society, giving us a sense of belongingness and identity.

Berdasarkan Lee (2006, hlm. 95), budaya merujuk kepada masyarakat dan cara hidupnya. Ia ditakrifkan sebagai satu set nilai dan kepercayaan, atau sekumpulan tingkah laku yang dipelajari yang kita kongsi dengan orang lain dalam masyarakat tertentu, memberikan kita rasa kepelbagaian dan identiti. Walsham (2002, hlm. 360) mentakrifkan budaya sebagai “...*most basic level can be defined as shared symbols, norms, and values in a social organization*”. Menurut Walsham (2002, hlm. 360), budaya merupakan peringkat yang paling asas yang boleh ditakrifkan sebagai simbol, norma, dan nilai yang dikongsi dalam organisasi sosial.

2.2.2 Takrifan Bagi Warisan

Warisan mempunyai kaitan dengan sejarah yang bernilai yang wujud di suatu kawasan. Malaysia merupakan salah satu negara yang mempunyai warisan yang tersendiri. Warisan di Malaysia adalah salah satu lambang identiti negara. Warisan juga boleh ditakrifkan sebagai suatu peninggalan oleh masyarakat terdahulu dan masih dikekalkan sehingga ke hari ini (Rusdi et al., 2012). Menurut UNESCO (2003) juga, warisan adalah sesuatu yang diturunkan dari generasi ke generasi.

Menurut Akta Harta Benda Purba (1976), warisan merupakan sesuatu yang ditinggalkan daripada masyarakat dahulu sama ada boleh bergerak atau tidak boleh bergerak dan sama ada boleh dilihat atau tidak boleh dilihat. Warisan juga membawa maksud sesuatu peralatan yang diciptakan oleh masyarakat dahulu dan digunakan dalam aktiviti seharian mereka (Yusoff et al., 2011). Walau bagaimanapun, Akta Harta Benda Purba (1976) telah dimansuhkan di negara ini dan digantikan dengan Akta Warisan Kebangsaan (2005).

Akta Warisan Kebangsaan (2005, hlm. 14) telah mendefinisikan warisan sebagai “...warisan kebangsaan, mana-mana tapak warisan, objek warisan, warisan kebudayaan bawah air atau mana-mana orang hidup diisytiharkan sebagai warisan kebangsaan”. Selain itu, warisan juga membawa maksud sesuatu yang ditinggalkan oleh masyarakat dahulu. Warisan yang ditinggalkan oleh masyarakat dahulu ini dapat menunjukkan bahawa mereka mempunyai kaedah yang tersendiri bagi melangsungkan kehidupan (Yusoff et al., 2011).

2.2.3 Takrifan Bagi Warisan Budaya Ketara dan Warisan Budaya Tidak Ketara

Warisan budaya ketara boleh dikategorikan kepada dua sama ada tidak bergerak dan sesuatu yang boleh diubah tempatnya (Yusoff, 2018). Warisan budaya ketara juga boleh ditafsirkan sebagai sesuatu benda yang wujud sejak dari zaman nenek moyang dan masih kekal sehingga ke hari ini yang mendapat pengiktirafan daripada sesebuah masyarakat (Yusoff et al., 2011). Warisan budaya ketara boleh dijelaskan sebagai sesuatu benda yang tidak boleh bergerak dan bersifat pegun pada suatu tempat. Penghasilan warisan budaya ketara ini adalah disebabkan penghasilan sebuah benda yang berkait dengan kegiatan ekonomi daripada masyarakat pada zaman dahulu (Yusoff, 2015).

Warisan budaya tidak ketara merupakan salah satu warisan yang wujud disebabkan oleh rutin harian yang diamalkan oleh sesetengah masyarakat pada zaman dahulu sehingga kini. Warisan budaya tidak ketara adalah seperti aspek kebahasaan iaitu sesuatu yang tidak dapat dipegang dan disentuh tetapi dapat dirasai (Yusoff et al., 2011).

Menurut UNESCO (2003, hlm. 3), warisan budaya tidak ketara membawa maksud:

...the practices, representations, expressions, knowledge, skills—as well as the instruments, objects, artefacts and cultural spaces associated therewith—that communities, groups and, in some cases, individuals recognise as part of their cultural heritage. This intangible cultural heritage, transmitted from generation to generation, is constantly recreated by communities and groups in response to their environment, their interaction with nature and their history, and provides them with a sense of identity and continuity, thus promoting respect for cultural diversity and human creativity.

Berdasarkan pernyataan di atas warisan budaya tidak ketara adalah terdiri daripada amalan, perwakilan, ekspresi, pengetahuan, kemahiran serta instrumen, objek, artifak dan ruang budaya. Warisan budaya ketara ini sangat berkaitan dengan komuniti masyarakat dan individu juga menganggap bahawa warisan budaya tidak ketara ini adalah sebahagian daripada warisan budaya mereka. Warisan budaya tidak ketara ini juga merupakan warisan budaya yang diturunkan dari generasi ke generasi dan diciptakan semula oleh masyarakat seterusnya. Warisan budaya tidak ketara ini akan dapat memberikan setiap kelompok masyarakat untuk merasai identiti sendiri sehingga mendorong penghormatan terhadap kepelbagaian budaya dan kreativiti manusia.

2.3 Warisan Budaya Tidak Ketara Masyarakat Jawa Di Malaysia

Kedatangan masyarakat Jawa ke Tanah Melayu telah membawa bersama budaya dan warisan mereka. Di antara aktiviti - aktiviti masyarakat Jawa adalah seperti *rewang* yang telah menjadi rutin harian bagi masyarakat Melayu dan masyarakat Jawa pada masa kini di Malaysia (Yana & Yew, 2017). *Rewang* membawa maksud seorang individu yang memberikan khidmat pertolongan berbentuk tenaga fizikalnya kepada jiran atau masyarakat di kawasannya bagi membantu melaksanakan sesuatu majlis dan upacara tertentu (Maiwan, 2011). Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2021), *rewang* membawa maksud sebagai gotong-royong bagi membuat persiapan untuk mengadakan sesuatu majlis terutamanya majlis kenduri perkahwinan.

Aktiviti *merewang* adalah salah satu amalan yang sering dilakukan oleh masyarakat Jawa dalam beberapa majlis keramaian atau dikenali sebagai kenduri atau *selamatan* dalam bahasa Jawa. *Slametan* merupakan perkataan yang berasal daripada 'selamat' yang

membawa maksud keberkatan dan keamanan yang diperolehi daripada Tuhan kepada mereka. Slametan terbahagi kepada dua iaitu slametan bersifat besar dan slametan bersifat kecil. *Slametan* bersifat besar adalah majlis yang diadakan secara besar-besaran yang menjemput orang ramai manakala *slametan* bersifat kecil adalah majlis yang diadakan secara kecil-kecilan yang hanya menjemput individu tertentu sahaja seperti menjemput ahli keluarga terdekat sahaja. *Slametan* yang bersifat kecil ini dikenali sebagai *bancaan* dalam kalangan masyarakat Jawa. *Slametan* bersifat kecil kebiasaannya diadakan kerana berpindah ke kediaman baru dan kembali sihat daripada sakit (Maiwan, 2011). Sebagai contoh, seseorang yang berpindah ke rumah baru akan mengadakan majlis kesyukuran dan hanya menjemput keluarga terdekat sahaja.

Selain itu, aktiviti *merewang* juga turut dikenali sebagai aktiviti bergotong royong. Aktiviti ini merupakan salah satu aktiviti sosial bagi masyarakat Jawa. Semasa aktiviti ini dijalankan, tiada seseorang yang boleh bersikap angkuh dan memberikan arahan seperti seorang ketua kerana setiap individu masyarakat Jawa dianggap sama rata (Maiwan, 2011). Masyarakat Jawa akan berkumpul dan melakukan aktiviti *rewang* yang dianggap wajib bagi mereka untuk menghadirinya. Hal ini dikatakan demikian kerana mereka menganggap aktiviti *rewang* ini dapat memeriahkan suasana majlis yang bakal diadakan dan dapat menjimatkan kos daripada mengupah pihak catering. Aktiviti *rewang* dapat mengeratkan silaturahim antara satu sama lain dan secara langsung dapat menjimatkan masa bagi melaksanakan sesuatu tugas (Yana & Yew, 2017).

Setiap majlis keramaian masyarakat Jawa yang diadakan, terdapat beberapa makanan tradisional masyarakat Jawa yang disediakan dalam majlis tersebut. Antara makanan turun temurun masyarakat Jawa dalam setiap majlis keramaian adalah tempe yang dihasilkan

daripada kacang soya dan nasi putih yang dimakan bersama mi goreng, ayam goreng, rendang serta sambal goreng (Shahbuddin & Omar, 2020). Semasa majlis keramaian diadakan, masyarakat Jawa yang menghadiri majlis tersebut akan melakukan aktiviti sampingan seperti memberikan sedikit sumbangan berbentuk duit kepada tuan rumah. Aktiviti ini dalam bahasa Jawa lebih dikenali sebagai *becak* atau *nyumbang* (Shahbuddin & Omar, 2020). *Becak* atau *nyumbang* membawa maksud sesuatu bantuan daripada tetamu yang hadir ke suatu majlis keramaian yang berbentuk wang atau barang keperluan dan diberikan wang tersebut kepada tuan rumah (Maiwan, 2011).

Seterusnya, tuan rumah pula akan memberikan sedikit makanan berlebihan yang ada kepada individu yang menghadiri majlis keramaian tersebut. Aktiviti ini dikenali sebagai *berkat* dalam kalangan masyarakat Jawa (Shahbuddin & Omar, 2020). Tujuan *berkat* diberikan kepada tetamu yang hadir ke majlis keramaian tersebut adalah untuk dijadikan sebagai buah tangan sebelum mereka balik ke rumah masing-masing. Pada zaman dahulu, masyarakat Jawa hidup dalam keadaan yang susah kerana baru bermigrasi ke Tanah Melayu. Pada ketika itu, setiap majlis keramaian yang diadakan akan dihadiri oleh golongan suami. Oleh itu, suami yang menghadiri majlis keramaian tersebut akan membawa balik *berkat* untuk diberikan kepada keluarga di rumah. *Berkat* yang diberikan oleh tuan rumah tersebut adalah untuk berkongsi rezeki dengan keluarga mereka (Likin, 2009).

Warisan budaya tidak ketara lain yang diamalkan oleh masyarakat Jawa termasuklah mengadakan majlis *mitoni*. Perkataan *mitoni* berasal daripada perkataan Jawa iaitu *pitu* atau membawa maksud sebagai “tujuh”. *Mitoni* merupakan majlis keramaian bagi bayi yang berada dalam kandungan yang baru berusia tujuh bulan. Upacara tersebut diadakan bagi meraikan bayi yang bakal dilahirkan kelak. Amalan ini biasanya dilakukan dengan meriah

untuk menyambut kelahiran anak sulung dalam keluarga tersebut (Maiwan, 2011). Masyarakat Melayu mengenali *mitoni* sebagai adat melenggang perut. Selepas bayi dilahirkan *puputan* akan dilakukan bagi masyarakat Jawa. *Puputan* merupakan adat cukur jambul bagi bayi yang baru dilahirkan. Masyarakat Jawa setempat juga akan menghadiri majlis ini untuk turut meraikan majlis tersebut. Aktiviti ini dikenali sebagai *muyi* bagi masyarakat Jawa (Shahbuddin & Omar, 2020). Masyarakat Jawa juga turut melakukan amalan *selapan dino*. Amalan ini dilakukan setelah bayi berusia 35 hari selepas dilahirkan. Namun begitu, amalan ini sukar untuk dijumpai pada masa kini kerana mereka lebih suka melakukan amalan cukur jambul selepas bayi berusia tujuh hari (Maiwan, 2011).

Selain itu, masyarakat Jawa juga mempunyai tradisi-tradisi lain yang masih dikekalkan sehingga ke hari ini. Antaranya ialah tradisi *munjong*. *Munjong* membawa maksud sebagai berkunjung. Bagi masyarakat Jawa, setiap individu wajib menjalankan tanggungjawab untuk berkunjung dan melawat orang yang lebih berusia seperti keluarga dan jiran tertangga yang mempunyai hubungan yang rapat. Tujuan amalan ini dilakukan bagi masyarakat Jawa adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara satu sama lain (Maiwan, 2011). Walau bagaimanapun Shahbuddin dan Omar (2020) berpendapat bahawa tradisi *munjong* merupakan satu amalan memberikan makanan kepada masyarakat setempat atau kenalan dan keluarga terdekat sebelum menyambut perayaan. Amalan ini dilakukan oleh masyarakat Jawa kerana mereka ingin mewujudkan suasana yang meriah dengan melakukan aktiviti pertukaran makanan agar setiap hidangan dapat dikongsi bersama-sama.

Masyarakat Jawa merupakan kaum yang amat menitikberatkan dalam penjagaan adab. Masyarakat Jawa sering mengamalkan tradisi penjagaan adab ketika mandi. Mereka akan menggunakan kain basahan ketika mandi agar kelihatan lebih sopan (Shahbuddin & Omar,

2020). Masyarakat Jawa juga mempunyai kesenian yang tersendiri. Antara kesenian yang diamalkan oleh masyarakat Jawa adalah pencak silat atau dikenali oleh masyarakat Melayu sebagai seni silat (Maiwan, 2011). Masyarakat Jawa mempelajari pencak silat untuk digunakan sebagai seni mempertahankan diri. Hal ini dikatakan demikian kerana seseorang yang mempelajari ilmu persilatan akan dapat memupuk semangat jati diri dalam diri setiap individu (Ahmad et al., 2017).

2.4 Bahasa Merupakan Sebahagian Daripada Warisan Budaya Tidak Ketara: Bahasa Jawa

Malaysia merupakan sebuah negara yang mempunyai pelbagai etnik minoriti seperti etnik Jawa, Bugis dan Bajau. Setiap etnik mempunyai bahasa yang tersendiri. Setiap bahasa yang wujud dalam setiap etnik memainkan peranan yang penting dalam ketamadunan bagi setiap kelompok masyarakat juga menunjukkan identiti kepada sesebuah bangsa. Bahasa memainkan peranan yang besar kerana bahasa merupakan buah fikiran bagi menyampaikan sesuatu maklumat kepada pembaca. Seseorang yang mempunyai kelebihan dalam bahasa akan dapat menyampaikan maklumat dengan sempurna kepada orang lain (Hartati, 2009). Bahasa memainkan peranan sebagai alat pertuturan antara satu sama lain. Menguasai sesuatu bahasa dapat membantu individu untuk berkomunikasi dalam sesuatu kumpulan masyarakat (Aji et al., 2018).

2.4.1 Takrifan Bagi Bahasa

Menurut Kamus Macmillan English Edisi Pertama (2002, hlm. 798), bahasa ditakrifkan sebagai “*The method of human communication using spoken or written words. The particular form of words and speech used by the people of a country, area, or social group. Signs, symbols, sounds, and other methods of communicating information, feelings, or ideas*”.

Berdasarkan Kamus Macmillan English Edisi Pertama (2002, hlm.798), bahasa merupakan kaedah komunikasi manusia dengan menggunakan kata-kata lisan atau tulisan. Bahasa adalah bentuk kata dan pertuturan tertentu yang digunakan oleh orang-orang dari suatu negara, kawasan atau kelompok sosial. Bahasa membawa maksud sebagai tanda, simbol, bunyi, dan kaedah lain untuk menyampaikan sesuatu maklumat.

Fungsi bahasa merangkumi komunikasi, ekspresi identiti, bermain, ekspresi imajinatif, dan melepaskan emosi. Sistem komunikasi terdiri daripada sekumpulan simbol yang dibatasi dengan suara, isyarat, atau watak yang ditulis. Dalam bahasa lisan, kumpulan simbol ini terdiri daripada suara yang disebabkan oleh pergerakan organ tertentu di dalam tekak dan mulut. Bahasa juga merangkumi pergerakan tangan, badan, gerak isyarat, atau ekspresi wajah. Melalui simbol-simbol ini, seseorang individu dapat menyampaikan maklumat serta meluahkan perasaan dan emosi kepada individu lain (Encyclopedia Britannica, 2021).

2.4.2. Takrifan Bagi Bahasa Jawa Kasar dan Bahasa Jawa Halus

Bahasa Jawa boleh dikategorikan sebagai salah satu bahasa yang agak sukar untuk difahami. Ini adalah kerana bahasa Jawa mempunyai tiga sistem peringkat. Setiap peringkat bahasa tersebut mempunyai kegunaan yang berbeza. Sistem peringkat yang terdapat dalam bahasa Jawa adalah sebagai sistem darjat yang digunakan bagi menghormati percakapan dengan orang lain (Khazanah, 2012). Bahasa Jawa mempunyai tiga sistem peringkat bahasa iaitu yang pertama adalah bahasa Jawa ngoko, yang kedua adalah bahasa Jawa krama madya, dan yang ketiga adalah bahasa Jawa krama inggil (Khazanah, 2012).

Setiap peringkat bahasa Jawa mempunyai fungsi yang tersendiri. Setiap peringkat bahasa Jawa ini juga memainkan peranan dalam membentuk setiap tingkah laku dalam kehidupan manusia (Khazanah, 2012). Bahasa Jawa yang digunakan untuk berkomunikasi dapat dibezakan bagi golongan masyarakat Jawa antara muda dan yang lebih berusia (Laila, 2016). Bahasa Jawa ngoko (kasar) kebiasaannya digunakan untuk berkomunikasi dengan seseorang yang rapat dengan kita seperti adik atau seseorang yang mempunyai umur yang lebih muda daripada kita (Wijana, 2008). Bahasa Jawa ngoko merupakan peringkat bahasa yang menunjukkan tahap kesopanan yang rendah (Poedjasoedarma, 1979).

Bahasa Jawa madya digunakan untuk berkomunikasi dengan seseorang yang tidak begitu rapat dengan kita dan mempunyai umur yang sama dengan kita seperti rakan sebaya (Wijana, 2008). Bahasa Jawa madya merupakan peringkat bahasa yang menunjukkan tahap kesopanan yang tidak terlalu tinggi dan tidak terlalu rendah (Poedjasoedarma, 1979). Bahasa Jawa krama (halus) pula kebiasaannya digunakan untuk seseorang yang mempunyai pangkat di atas kita serta orang yang lebih tua daripada kita seperti kakak,

orang tua dan guru (Wijana, 2008). Bahasa Jawa krama merupakan peringkat bahasa yang menunjukkan tahap kesopanan yang tinggi (Poedjasoedarma, 1979). Bahasa Jawa madya dan bahasa Jawa krama ini sering digunakan bagi menunjukkan sifat menghormati antara satu sama lain semasa berkomunikasi dengan orang yang lebih tua dan mempunyai pangkat di atas kita (Khazanah, 2012).

2.5 Kepentingan Bahasa Kepada Masyarakat

Bahasa mempunyai beberapa kepentingan penting di dalam masyarakat. Pertama, kepentingan bahasa kepada masyarakat adalah bahasa dapat membantu seseorang individu untuk menyampaikan maklumat kepada individu lain. Setiap kelompok masyarakat dapat menggunakan satu bahasa yang difahami oleh kedua-dua belah pihak untuk berkomunikasi antara satu sama lain (Mohamed & Hassan, 2019). Bahasa juga dapat membantu masyarakat untuk berkongsi pengetahuan secara formal dan tidak formal. Perkara ini dapat menjadikan ilmu pengetahuan dapat dikongsi bersama dengan mudah. Oleh itu, setiap kelompok masyarakat mempunyai bahasa mereka sendiri untuk bergaul dan menyampaikan maklumat serta ilmu sesama mereka.

Kedua, bahasa memainkan peranan dalam membentuk perpaduan dalam kalangan masyarakat di negara ini (Yusof, 2011). Masyarakat yang mempunyai bahasa yang jelas dan mempunyai kesopanan dalam berbahasa dapat mewujudkan sikap saling hormat menghormati antara satu sama lain. Perkara ini dapat memupuk masyarakat yang bersatu padu. Masyarakat yang bersatu padu akan menjadikan masyarakat di negara ini dapat hidup dalam keadaan yang aman dan harmoni. Negara yang aman dan harmoni pula akan dapat membangunkan sesebuah negara dan bangsa.

Ketiga, bahasa memainkan peranan dalam membentuk identiti nasional atau menggabungkan sesebuah kelompok masyarakat di negara ini (Razak, 2009). Setiap bahasa yang digunakan akan mencerminkan diri bagi setiap kelompok masyarakat. Hal ini dikatakan demikian kerana berdasarkan bahasa yang digunakan oleh seseorang, kita akan dapat mengetahui budi pekerti dan kelakuan individu tersebut (Hartati, 2009). Oleh itu, setiap bahasa yang digunakan oleh kelompok masyarakat tersebut akan menggambarkan identiti mereka. Identiti dalam diri setiap masyarakat akan membentuk jati diri yang kuat bagi mengelakkan dari sifat negatif. Bagi membentuk jati diri yang kuat, akhlak dan maruah memainkan peranan yang penting bagi membentuk identiti dalam diri (Ahmad et al., 2017). Masyarakat yang mempunyai identiti dalam diri akan menjadi lambang keunggulan sesebuah negara.

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Khazanah (2012), masyarakat Jawa juga turut mempunyai bahasa komunikasi mereka tersendiri. Bahasa Jawa merupakan satu bahasa yang lain daripada yang lain kerana bahasa ini mengandungi nilai-nilai seperti kemesraan, sopan santun, dan saling hormat-menghormati antara satu sama lain. Masyarakat Jawa mengamalkan nilai-nilai murni seperti tidak bersikap sombong dan tidak memandang rendah terhadap orang lain kerana mereka percaya masyarakat yang bersifat sombong hanya akan memberikan kesan yang buruk kepada diri sendiri. Nilai-nilai seperti ini dapat dilihat dalam variasi bahasa Jawa krama (bahasa halus). Bahasa Jawa krama merupakan bahasa yang sering digunakan terhadap orang lain dan kepada golongan orang yang lebih tua (Khazanah, 2012). Perkara ini dapat dilihat bahawa bahasa Jawa merupakan bahasa yang unik kerana bahasa Jawa mengandungi nilai-nilai murni yang dapat meningkatkan nilai sesebuah masyarakat itu.

2.6 Lokasi Orang Jawa Dan Bagaimana Mereka Berhubung Setiap Hari

Lokasi kajian bagi masyarakat Jawa di Malaysia adalah di daerah Pontian, Johor. Masyarakat Jawa di kawasan ini masih menggunakan bahasa Jawa sebagai bahasa perantaraan antara satu sama lain. Namun, penggunaan bahasa Jawa yang digunakan adalah bahasa Jawa kasar. Kebanyakan masyarakat di kawasan ini tidak menggunakan bahasa Jawa halus sebagai bahasa perantaraan antara satu sama lain kerana ibu bapa mereka tidak mendedahkan bahasa Jawa halus kepada generasi pada masa kini (Likin, 2009). Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Likin (2009), ibu bapa di kawasan ini lebih menggunakan bahasa Melayu daripada bahasa Jawa untuk berkomunikasi dengan anak-anak adalah sebanyak 80%. Tujuan ibu bapa menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa pertuturan adalah kerana mereka menganggap bahawa bahasa Melayu lebih relevan untuk digunakan pada masa kini. Perkara ini menjadikan generasi muda di kampung ini kurang mengetahui mengenai bahasa Jawa.

Seterusnya, lokasi kajian masyarakat Jawa di Malaysia yang dijalankan oleh Shahbuddin dan Omar (2020) adalah di kawasan Kampong Endah, Selangor. Pada mulanya sebelum kemerdekaan, masyarakat di kawasan ini menggunakan bahasa Jawa sebagai bahasa komunikasi. Namun setelah mereka berada di negara ini sehingga kini, asimilasi dalam setiap diri. Perkara ini menyebabkan mereka lebih selesa menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi. Anak-anak mereka juga telah dihantar ke sekolah rendah yang menggunakan bahasa hampir keseluruhannya adalah bahasa Melayu (Shahbuddin & Omar, 2020). Kesannya, anak-anak muda masyarakat Jawa di kawasan ini lebih memahami bahasa Melayu berbanding bahasa Jawa.

Selain itu, lokasi kajian masyarakat Jawa di Malaysia yang dijalankan oleh Pawit dan Said (2014) adalah di kawasan Kampung Sungai Leman, Sekinchan. Kawasan kampung ini merupakan kawasan yang mempunyai kelengkapan infrastruktur yang lengkap dan banyak peluang pekerjaan yang ditawarkan di kawasan ini. Kesannya, ramai penduduk dari luar negeri yang bermigrasi di kawasan ini untuk mendapatkan pekerjaan dan kehidupan yang lebih selesa. Perkara ini menjadikan terdapatnya golongan muda masyarakat Jawa yang berkahwin dengan masyarakat bukan Jawa (Pawit & Said, 2014). Perkara ini juga telah menyebabkan golongan muda masyarakat Jawa lebih selesa menggunakan bahasa Melayu untuk berkomunikasi dalam kehidupan seharian. Namun begitu, masyarakat yang berusia di kawasan ini lebih selesa menggunakan bahasa Jawa semasa berinteraksi antara satu sama lain. Walaupun golongan muda masyarakat Jawa menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam komunikasi namun bahasa Jawa masih digunakan sebagai bahasa kedua (Pawit & Said, 2014). Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Pawit dan Said (2014), majoriti bahasa komunikasi yang digunakan dalam kalangan masyarakat di kampung ini adalah bahasa Melayu kerana bahasa Melayu merupakan bahasa rasmi di negara ini.

2.7 Teori Interaksi Simbolik Dalam Penggunaan Bahasa Jawa

Teori interaksi simbolik merupakan teori yang diilhamkan oleh George Herbert Mead pada tahun 1939. Namun, teori ini telah diperkenalkan di seluruh dunia oleh Herbert Blumer (Fauzan, 2015). Walau bagaimanapun, Laksmi (2017) menyatakan bahawa teori ini telah diperkenalkan antara tahun 1863 sehingga tahun 1931. Teori interaksi simbolik ini merupakan teori yang dikenali sebagai teori sosiologi interpretatif (Taofik, 2015). Teori

interaksionisme simbolik merupakan salah satu teori yang sudah lama diperkenalkan dalam bidang ilmu bagi membantu pengkaji untuk menjalankan kajian. Berdasarkan teori interaksi simbolik, interaksi membawa maksud sebagai salah satu proses mempengaruhi perlakuan dan aktiviti yang dilakukan oleh kumpulan masyarakat manakala simbolik pula membawa maksud sebagai lambang bagi sesuatu (Siregar, 2011). Teori ini melibatkan penggunaan bahasa kerana bahasa merupakan simbol yang paling penting dengan melalui isyarat. Dalam teori ini juga seseorang individu yang pertama akan menyampaikan maklumat yang diperolehi daripada setiap simbol yang mempunyai makna kepada individu lain. Individu lain pula akan menerima maklumat tersebut dan akan memahaminya daripada sudut yang lain. Oleh itu, perkara ini telah menjadikan individu yang pertama tersebut sebagai salah satu proses bagi mempengaruhi tindakan dalam sesebuah masyarakat sosial (Taofik, 2015).

Menurut Blumer (1984), teori interaksionisme simbolik terletak pada tiga premis iaitu:

- 1) Manusia akan bertindak untuk melakukan sesuatu perkara sekiranya terdapat makna pada perkara tersebut. Sebagai contoh, seseorang individu mengamalkan adat yang dibawa oleh masyarakat Jawa terdahulu seperti adat melenggang perut. Masyarakat mengamalkan adat ini kerana adat ini merupakan simbolik bagi masyarakat Jawa.
- 2) Makna yang terdapat pada perkara tersebut wujud daripada interaksi sosial seseorang dengan individu lain. Sebagai contoh, adat yang diamalkan oleh masyarakat Jawa merupakan adat turun-temurun daripada nenek moyang yang diperolehi melalui pembelajaran tidak formal.

3) Makna tersebut dilengkapkan melalui proses berinteraksi antara satu sama lain. Sebagai contoh, ibu bapa mendedahkan adat masyarakat Jawa kepada anak-anak mereka agar adat tersebut tidak hilang ditelan zaman.

Menerusi pernyataan yang diberikan oleh Blumer (1984), perwatakan terhasil daipada hubungan sosial antara satu sama lain yang berlaku secara neutral dalam kalangan masyarakat setempat. Makna ini terhasil menjadi sempurna disebabkan oleh simbol-simbol yang dicipta oleh masyarakat itu sendiri (Taofik, 2015). Oleh itu, setiap simbol yang terhasil memerlukan proses untuk menjadi sempurna.

Teori interaksi simbolik telah dijadikan panduan bagi membincangkan kajian sosiologi bagi masyarakat Jawa di Kampung Parit Lapis Laman, Johor bagi mengkaji pengaruh bahasa Jawa dalam komuniti di kampung tersebut. Proses interaksi sosial manusia memainkan peranan yang penting dalam teori ini. Interaksi simbolik bermaksud seseorang individu membuat tafsiran dahulu mengenai setiap pergerakan melalui isyarat dan kemudian melakukan tindakan berdasarkan pemahaman mereka. Berdasarkan kajian yang dijalankan, teori interaksi simbolik telah dikaitkan dengan cara berkomunikasi masyarakat Jawa di Kampung Parit Lapis Laman, Johor,

2.8 Penutup

Kesimpulannya, kajian literatur menunjukkan bahawa masyarakat Jawa merupakan etnik yang bermigrasi dari Indonesia dan menetap di Malaysia sehingga telah diterima oleh masyarakat setempat pada masa kini. Pada masa yang sama, masyarakat Jawa masih mengamalkan adat tradisi yang diwarisi oleh generasi terdahulu. Walau bagaimanapun,

kajian literatur telah menunjukkan bahawa penggunaan bahasa Jawa yang digunakan dalam kalangan generasi muda masyarakat Jawa semakin berkurang dari hari ke hari. Berdasarkan kajian yang dijalankan, teori interaksi simbolik telah dipilih bagi membantu pengkaji untuk menjalankan kajian kerana teori ini dianggap bersesuaian dengan kajian ini.



BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.0 Pengenalan

Bab Tiga menjelaskan mengenai kaedah yang digunakan ketika menjalankan kajian mengenai pemuliharaan bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat di Kampung Parit Lapis Laman, Johor. Kajian ini dijalankan untuk menjelaskan secara terperinci mengenai pendekatan kualitatif yang digunakan serta kaedah yang digunakan bagi mencapai objektif kajian dan menjawab persoalan kajian. Antara kaedah kajian yang digunakan di dalam kajian ini adalah melalui kaedah temu bual dan pemerhatian. Seterusnya, bab ini menerangkan mengenai pensampelan populasi masyarakat Jawa di Kampung Parit Lapis Laman, Johor bagi mengetahui dengan lebih lanjut sejauh manakah penggunaan bahasa Jawa yang digunakan oleh masyarakat di kampung ini. Selain itu, kajian ini juga menghuraikan dengan lebih terperinci mengenai alat bantuan kajian yang digunakan sepanjang kajian ini dijalankan seperti penggunaan kamera, alat perakam suara dan nota lapangan. Akhir sekali, bab ini menjelaskan dengan lebih terperinci mengenai kaedah menganalisis data berdasarkan dapatan kajian yang akan diperolehi semasa kajian lapangan dijalankan.

3.1 Pendekatan Kajian

Pengkaji turut menggunakan pendekatan kualitatif dalam kajian ini. Pendekatan kualitatif merupakan salah satu proses bagi mengumpulkan maklumat dengan lebih tepat dan mendalam mengenai kajian yang akan dijalankan (Streefkerk, 2019). Kaedah kajian di dalam pendekatan kualitatif yang digunakan oleh pengkaji semasa kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah pemerhatian dan kaedah temu bual.

3.1.1 Pemerhatian

Pemerhatian merupakan kaedah kajian yang dijalankan secara langsung iaitu pengkaji melihat sendiri kawasan kajian. Kaedah pemerhatian merupakan kaedah untuk melihat tingkah laku sesuatu objek (Bhasin, 2020). Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah pemerhatian bukan peserta. Kaedah pemerhatian bukan peserta adalah pengkaji boleh berada di kawasan kajian tersebut dan merekodkan setiap apa yang diperhatikan tanpa perlu berinteraksi secara langsung dengan responden (Williams, 2008). Pemboleh ubah spesifik yang digunakan dalam kaedah ini merupakan proses bagi pengumpulan data. Kaedah ini telah dilaksanakan semasa pengkaji mengunjungi Kampung Parit Lapis Laman, Johor. Semasa pemerhatian dilakukan, pengkaji telah merakam dan mengambil gambar yang berkaitan dengan kajian serta mencatat setiap apa yang dilihat di kawasan kajian.

3.1.2 Temu Bual

Temu bual adalah perbualan untuk mengumpulkan maklumat. Wawancara penyelidikan melibatkan seorang penemuduga, yang menyelaraskan proses perbualan dan mengemukakan soalan, dan seorang wawancara, yang menjawab soalan-soalan tersebut. Temu bual boleh dilakukan secara bersemuka atau melalui telefon. Internet juga boleh dijadikan sebagai alat untuk menemu ramah (Easwaramoorthy & Zarinpoush, 2006). Temu bual yang digunakan dalam kajian ini adalah temu bual separa berstruktur. Temu bual separa berstruktur adalah penemuduga menggunakan satu set soalan yang telah ditentukan dan responden akan menjawab dengan kata-kata mereka sendiri. Beberapa penemuduga menggunakan panduan topik yang berfungsi sebagai senarai semak untuk memastikan bahawa semua responden memberikan maklumat mengenai topik yang sama. Pewawancara akan dapat mengetahui maklumat tambahan berdasarkan jawapan responden atau dengan mengemukakan soalan tambahan untuk penjelasan lebih mendalam. Temu ramah separa berstruktur berguna apabila terdapat keperluan untuk mengumpulkan maklumat dengan mendalam secara sistematik dari sebilangan responden atau orang yang ditemubual (Easwaramoorthy & Zarinpoush, 2006). Pengkaji telah menebual seramai 10 orang responden yang menetap di Kampung Parit Lapis Laman, Johor. Beberapa soalan telah ditanya bagi objektif pertama, objektif kedua dan objektif ketiga. Setiap sesi temu bual yang dilakukan telah mengambil masa sebanyak lebih kurang 15 hingga 30 minit. Pengkaji telah memilih 10 orang responden tersebut kerana mereka mempunyai kriteria-kriteria yang telah ditetapkan.

3.2 Sumber Data Kajian

Teknik pengumpulan data merupakan teknik yang digunakan oleh pengkaji bagi mengumpulkan data yang bertujuan bagi menganalisis objektif kajian. Pengumpulan data juga merupakan satu kaedah yang penting dalam menentukan kaedah apa yang harus digunakan dalam pengumpulan data ini. Seterusnya, pengumpulan data merupakan satu kaedah yang strategik dalam melaksanakan satu penyelidikan. Seorang penyelidik tidak akan dapat memperolehi sesuatu data mengikut kriteria yang telah ditetapkan sekiranya tidak melalui teknik pengumpulan data dengan cara yang betul.

3.2.1 Sumber Primer

Sumber yang digunakan dalam setiap penyelidikan kajian merupakan perkara yang penting. Sumber primer merupakan salah satu sumber yang digunakan dalam kajian yang dijalankan. Sumber primer adalah merupakan satu data yang didapati secara asli yang didapati sewaktu melakukan kajian lapangan (Sudirman & Hamid, 2016). Dalam kajian ini, sumber primer yang digunakan adalah keterangan lisan yang didapati daripada penduduk Kampung Parit Lapis Laman, Johor mengenai penggunaan bahasa Jawa di kampung tersebut.

3.2.2 Sumber Sekunder

Sumber sekunder juga merupakan sumber yang digunakan dalam kajian ini. Sumber sekunder merupakan data yang didapati daripada kajian keperustakaan dan bukannya didapati daripada kajian lapangan (Sudirman & Hamid, 2016). Dalam kajian ini, sumber

sekunder yang digunakan sebagai salah satu teknik pengumpulan data bagi melaksanakan kajian ini adalah buku, majalah, surat khabar, dan artikel jurnal yang didapati daripada sumber internet. Penggunaan bahan-bahan bertulis ini adalah bertujuan bagi mendapatkan maklumat mengenai objektif kajian yang dikaji oleh pengkaji iaitu mengenal pasti variasi bahasa Jawa yang digunakan di Kampung Parit Lapis Laman, Johor pada masa kini, mengkaji penggunaan bahasa Jawa oleh komuniti di Kampung Parit Lapis Laman, Johor pada masa kini, dan menganalisis mekanisme yang relevan dalam melestarikan bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat Jawa di Kampung Parit Lapis Laman, Johor.

3.3 Alat Bantuan Kajian

Alatan bantuan kajian merupakan satu alatan kelengkapan yang digunakan bagi mengumpulkan data. Alatan bantuan kajian adalah alat yang digunakan oleh pengkaji bagi menjalankan sesuatu kajian. Alatan bantuan kajian yang digunakan oleh pengkaji semasa kajian ini dilaksanakan adalah kamera, alat perakam suara, dan nota lapangan.

3.3.1 Kamera

Kamera merupakan alat penting yang digunakan oleh pengkaji semasa tinjauan dilakukan. Kamera yang digunakan oleh pengkaji adalah untuk menangkap gambar yang berkaitan dengan kajian yang dijalankan.

3.3.2 Alat Perakam Suara

Alat perakam suara merupakan satu alat yang digunakan oleh pengkaji bagi merakam suara responden semasa kajian dijalankan agar setiap maklumat yang diberikan oleh responden berkaitan kajian dapat disimpan dengan sempurna tanpa terjejas.

3.3.3 Nota Lapangan

Nota lapangan merupakan salah satu alat yang digunakan oleh pengkaji semasa kajian dijalankan. Nota lapangan yang digunakan oleh pengkaji adalah bertujuan untuk mencatat setiap maklumat yang diberikan oleh responden mengenai pengaruh bahasa Jawa semasa kajian dijalankan di Kampung Parit Lapis Laman, Johor.

3.4 Responden Kajian

Kesemua responden dalam kajian ini diterima melalui pensampelan bola salji. Pensampelan bola salji adalah proses memilih sampel menggunakan rangkaian. Sebagai permulaan, beberapa individu dalam kumpulan atau organisasi dipilih dan maklumat yang diperlukan dikumpulkan dari mereka. Mereka kemudian diminta untuk mengenali orang lain dalam kumpulan atau organisasi, dan orang yang dipilih oleh mereka menjadi sebahagian daripada sampel. Maklumat dikumpulkan dari mereka, dan kemudian orang-orang ini diminta untuk mengenali anggota kumpulan yang lain dan, pada gilirannya, mereka yang dikenal pasti menjadi asas pengumpulan data lebih lanjut (Kumar, 2010). Pengkaji telah memilih 10 orang responden untuk ditemu bual dari Kampung Parit Lapis Laman, Johor untuk mengambil bahagian dalam kajian ini. Tujuan temu bual ini dilakukan adalah untuk

mencapai objektif kajian yang dijalankan. Untuk mencapai ukuran sampel yang disasarkan, responden dipilih mengikut cadangan daripada individu yang dicadangkan melalui kaedah pensampelan bola salji. Jadual 3.1 menunjukkan demografi responden di Kampung Parit Lapis Laman, Johor.

Jadual 3.1: Demografi Responden

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Responden	Umur	Pendidikan	Pekerjaan
Responden 1	57 Tahun	SPM (Pendidikan Rendah)	Pekebun (Bekerja Sendiri)
Responden 2	58 Tahun	SPM (Pendidikan Rendah)	Peniaga (Bekerja Sendiri)
Responden 3	46 Tahun	Diploma (Pendidikan Tinggi)	Guru (Sektor Kerajaan)
Responden 4	62 Tahun	Ijazah (Pendidikan Tinggi)	Pencen (Tidak Bekerja)
Responden 5	63 Tahun	UPSR (Pendidikan Rendah)	Pekebun (Bekerja Sendiri)
Responden 6	50 Tahun	SPM (Pendidikan Rendah)	Suri Rumah (Tidak Bekerja)
Responden 7	28 Tahun	Diploma (Pendidikan Tinggi)	Kerja Kilang (Swasta)
Responden 8	31 Tahun	Diploma (Pendidikan Tinggi)	Kontraktor (Bekerja Sendiri)
Responden 9	34 Tahun	Diploma (Pendidikan Tinggi)	Berniaga (Bekerja Sendiri)
Responden 10	23 Tahun	Diploma (Pendidikan Tinggi)	Berniaga (Bekerja Sendiri)

3.4.1 Umur

Lingkungan umur responden adalah antara 18 hingga 60 tahun ke atas yang terdiri dalam kalangan lelaki dan wanita. Semua responden berasal dari Kampung Parit Lapis Laman, Johor yang merupakan orang luar dan tiada kaitan dengan pengkaji. Seorang responden telah ditemui secara bersemuka untuk melakukan temu bual. Kemudian pengkaji telah meminta cadangan daripada responden pertama iaitu ketua kampung untuk memberi cadangan bagi menemu bual responden yang seterusnya. Oleh itu, data yang didapati oleh pengkaji daripada responden akan menjadi lebih berkualiti dengan pemahaman yang lebih baik. Setiap responden telah mengambil bahagian dalam kajian ini secara sukarela dan mereka dibenarkan untuk menarik balik persetujuan mereka untuk menyertai kajian ini pada bila-bila masa.

3.4.2 Pendidikan

Taraf pendidikan bagi setiap responden telah dilihat oleh pengkaji bagi mengetahui sejauh mana pengaruh bahasa Jawa yang digunakan dalam kalangan masyarakat di Kampung Parit Lapis Laman, Johor. Taraf pendidikan yang dilihat di kawasan ini adalah dari segi pendidikan tinggi, pendidikan rendah, dan tidak berpendidikan. Taraf pendidikan tinggi adalah bagi golongan masyarakat yang belajar sehingga ke peringkat universiti. Taraf pendidikan rendah pula adalah bagi golongan masyarakat yang belajar sehingga ke peringkat sekolah menengah dan sekolah rendah. Manakala taraf tidak berpendidikan adalah bagi masyarakat yang tidak bersekolah. Pemilihan ini dilakukan bagi melihat sejauh

mana responden yang mempunyai pendidikan tinggi, pendidikan rendah, dan tidak berpendidikan menggunakan bahasa Jawa dalam kehidupan seharian.

3.4.3 Jenis Pekerjaan

Pemilihan responden adalah mengikut jenis pekerjaan iaitu bekerja dan tidak. Golongan bekerja adalah bekerja dari segi sektor kerajaan, sektor swasta, dan bekerja sendiri. Manakala golongan tidak bekerja pula adalah seperti pelajar, suri rumah, dan golongan yang sudah pencen. Pemilihan ini dibuat bagi melihat sama ada responden yang bekerja dan tidak bekerja masih menggunakan bahasa Jawa dalam kehidupan seharian atau tidak. Pengkaji juga ingin mengetahui sama ada responden yang bekerja dan tidak bekerja masih menggunakan bahasa Jawa halus atau bahasa Jawa kasar dalam pertuturan seharian. Oleh itu, pengkaji dapat mengetahui sama ada responden di Kampung Parit Lapis Laman, Johor menggunakan bahasa Jawa halus atau bahasa Jawa kasar yang mana lebih dominan penggunaannya.


3.5 Kaedah Analisis Data

Kaedah analisis data merupakan salah satu proses mengumpulkan maklumat dan data untuk merungkaikan sesuatu masalah yang dihadapi semasa melaksanakan kajian. Setiap maklumat dan data tersebut akan diproses untuk mendapatkan keputusan yang tepat dalam kajian yang dijalankan.

3.5.1 Analisis Tematik

Analisis tematik merupakan salah satu kaedah analisis data yang digunakan dalam kajian penyelidikan kualitatif bagi mengenalpasti pola untuk mencari tema yang sesuai berdasarkan data yang diperolehi oleh pengkaji (Braun & Clarke, 2006). Analisis tematik kebiasaannya digunakan dalam transkripsi teks temu bual daripada responden. Pengkaji juga akan mendalami transkripsi teks tersebut dengan teliti untuk mengenal pasti tema yang bakal dihasilkan dalam kajian ini.

3.5.2 Peringkat-Peringkat Dalam Menganalisis Data Kualitatif



Rajah 3.1: Peringkat-peringkat dalam menganalisis data kualitatif

Terdapat beberapa peringkat dalam menganalisis data kualitatif. Antara peringkat-peringkat dalam menganalisis data kualitatif adalah transkripsi, pengekodan, tema, laporan dan triangulasi. Rajah 3.1 menunjukkan peringkat-peringkat dalam menganalisis data kualitatif.


a) Transkripsi

Proses transkripsi merupakan salah satu langkah pertama untuk melakukan analisis data. Transkripsi merupakan proses memasukkan data perkataan bertulis dalam bentuk lisan atau percakapan seperti wawancara, perbualan, panggilan telefon dan interaksi kumpulan fokus. Ia selalu melibatkan rakaman audio atau rakaman video dalam penyelidikan kualitatif moden (Howitt, 2010). Sebelum transkripsi teks dilakukan, proses rakaman audio yang dirakam daripada responden akan dilakukan terlebih dahulu untuk dijadikan sebagai data kajian. Transkripsi ini akan dilakukan dengan menggunakan bahasa Melayu penuh dan sedikit campuran bahasa Jawa. Rakaman audio tersebut akan diproses untuk dijadikan dalam bentuk teks sebelum dikaji. Kaedah ini perlulah dilakukan secara teliti dan berhati-hati agar tidak berlaku sebarang kesilapan. Oleh itu, pengkaji perlulah menumpukan perhatian untuk mendengar setiap rakaman audio tersebut secara berulang untuk mendapatkan hasil transkripsi teks yang tepat dan betul.

b) Pengekodan

Jadual 3.2: Proses menetapkan kod untuk transkripsi temu bual

Sumber: Kajian Lapangan, 2021



Pengekodan adalah salah satu langkah yang sangat penting dalam menganalisis data. Pengekodan merupakan bentuk yang paling asas dan operasi yang mudah untuk mengenal pasti segmen makna dalam data yang diperolehi dan melabelkannya dengan kod (Linneberg & Korsgaard, 2019). Jadual 3.2 menunjukkan proses menetapkan kod untuk transkripsi temu bual. Pengekodan merupakan proses menganalisis setiap petikan yang terdapat pada transkripsi teks untuk mengekod setiap data yang diperolehi. Pengekodan juga adalah langkah bagi mengenal pasti setiap tema daripada transkripsi teks yang dibaca. Selepas coding dilakukan, analisis data lebih mudah untuk dilakukan.

Bahagian ini memerlukan ketelitian semasa membaca transkripsi teks tersebut agar setiap coding yang dibuat adalah tepat.

c) Tema

Setiap tema yang dihasilkan dalam kajian yang dijalankan merupakan salah satu langkah bagi menjawab setiap persoalan kajian. Tema merupakan corak yang menyatakan sesuatu perkara yang penting atau menarik mengenai data dan persoalan kajian (Maguire & Delahunt, 2017). Tema akan terhasil daripada data yang dikumpul berdasarkan transkripsi teks. Berdasarkan transkripsi teks tersebut, pengkaji perlulah membaca transkripsi teks tersebut dengan terperinci dan memahami setiap maksud ayat tersebut agar tema dapat dihasilkan dengan sebanyak mungkin.

d) Laporan

Pengkaji telah menghasilkan laporan penyelidikan berdasarkan data-data yang telah diperolehi. Setelah tema dikenal pasti dalam kajian ini, laporan penyelidikan dapat dihasilkan. Laporan penyelidikan perlulah secara menyeluruh dan tidak tertakluk kepada huraian data dalam membuat perbincangan (Braun & Clarke, 2006). Setelah itu, pengkaji telah menghasilkan laporan penyelidikan yang lengkap berdasarkan penyusunan data dan pengenalpastian tema.

e) Triangulasi

Triangulasi merupakan salah satu langkah yang digunakan dalam analisis tematik. Triangulasi data adalah gabungan sumber data, teori dan metodologi bagi mengkaji sesebuah kajian. Triangulasi adalah teknik yang digunakan untuk mengesahkan penemuan yang dicadangkan dan ia juga digunakan untuk menentukan kesempurnaan data (Heale & Forbes, 2013). Triangulasi amat penting kerana setiap teknik yang digunakan adalah untuk mengumpul data (Jasmi, 2012). Pengkaji telah mengumpul maklumat daripada responden mengenai pengaruh bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat di Kampung Parit Lapis Laman, Johor dan telah membandingkan dengan data yang dijumpai dari kajian literatur. Kemudian pengkaji telah mengaitkan dengan tema kajian.

3.6 Kesimpulan

Metodologi yang telah dikenal pasti ini diharap dapat menjamin kebolehpercayaan dan kesahihan hasil kajian. Metodologi kajian perlulah menggunakan langkah yang betul bagi mendapatkan hasil kajian yang mempunyai nilai yang tinggi. Berdasarkan kajian ini, pengkaji telah menggariskan kaedah yang telah digunakan dalam kajian ini iaitu pengaruh bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat di Kampung Parit Lapis Laman, Johor. Kaedah yang akan digunakan dalam kajian ini adalah pendekatan kualitatif. Tujuan pengkaji menggunakan pendekatan kualitatif adalah bagi memastikan kajian ini dapat dilaksanakan dengan lebih terperinci. Pendekatan kualitatif yang digunakan dalam kajian ini juga bagi memastikan setiap persoalan dalam kajian ini dapat dicapai dengan sebaiknya.

BAB EMPAT

DAPATAN KAJIAN

4.0 Pengenalan

Terdapat 11 tema utama yang didapati dari analisis tematik dalam kajian ini iaitu adat dan budaya Jawa, sejarah masyarakat Jawa, jenis bahasa Jawa, kepentingan penggunaan bahasa Jawa, variasi bahasa Jawa yang digunakan oleh masyarakat Jawa, penutur bahasa Jawa mengikut peringkat umur, aktiviti sosial yang menggunakan bahasa Jawa, cara berkomunikasi masyarakat Jawa, nilai murni penggunaan bahasa Jawa, cabaran dalam mengekalkan penggunaan bahasa Jawa, dan pelestarian bahasa Jawa.

4.1 Adat Dan Budaya Jawa

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2022), adat merupakan peraturan yang sering dilakukan oleh masyarakat terdahulu serta ia telah menjadi suatu adat resam dan kebiasaan dalam kehidupan generasi pada hari ini manakala budaya pula merupakan keseluruhan cara hidup yang merangkumi kelakuan dan tindakan yang diamalkan dalam sesuatu masyarakat. Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh pengkaji, terdapat beberapa adat yang masih diamalkan oleh masyarakat Jawa di kawasan kajian sehingga ke hari ini. Ini kerana Responden 8 ada menyatakan bahawa:

Rewang, yasinan, banyak lah. 'Menggengan'. 'Menggengan' tu kalau sebelum puasa yang makan ramai-ramai tu dekat surau. Tu dipanggil 'menggengan'. Tarawih pun dah dikira aktiviti jugak. Nanti ada cukur rambut. Lepas tu ada

'tingkepan'. *'Tingkepan' atau 'mitoni' tu dia macam melenggang perut lah. Yang waktu orang mengandung tu dia buat.* (Responden 8, Temu bual, 26 September 2021).

Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh Responden 8, beliau menyatakan bahawa terdapat banyak adat masyarakat Jawa yang masih diamalkan oleh masyarakat Jawa di Kampung Parit Lapis Laman, Johor sehingga kini. Antara adat yang masih diamalkan sehingga kini adalah aktiviti merewang, aktiviti *yasinan*, aktiviti tarawih, majlis cukur rambut, *menggengan*, dan *tingkepan* atau *mitoni*. Semasa aktiviti merewang dijalankan, tiada seseorang yang boleh bersikap angkuh dan memberikan arahan seperti seorang ketua kerana setiap individu masyarakat Jawa dianggap sama rata (Maiwan, 2011). *Menggengan* merupakan aktiviti makan beramai-ramai di surau sebelum memasuki bulan puasa. *Tingkepan* atau *mitoni* pula adalah merupakan adat melenggang perut yang dikenali oleh masyarakat Melayu Jawa (Shahbuddin & Omar, 2020) yang dilakukan oleh ibu mengandung bagi memastikan kandungan berada dalam keadaan baik. Kajian ini turut disokong oleh Responden 9 yang menyatakan *"Budaya Jawa banyak tau. Contoh lah kalau raya kan kita saling kunjung-mengunjungi. Macam ada baraan. Pernah dengar kan baraan ramai-ramai tu? Tu salah satunya lah yang masyarakat kampung ni buat untuk budaya Jawa tu"*. (Responden 9, Temu bual, 27 September 2021).

Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh Responden 9, terdapat banyak adat masyarakat Jawa. Antara adat masyarakat Jawa yang masih dikekalkan sehingga ke hari ini adalah aktiviti kunjung-mengunjungi semasa Hari Raya dan aktiviti *baraan*. Tujuan aktiviti kunjung-mengunjungi yang dilakukan oleh masyarakat Jawa semasa Hari Raya adalah untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara satu sama lain (Maiwan, 2011). Aktiviti

baraan pula merupakan aktiviti yang dilakukan pada 2 dan 3 Syawal iaitu pada Hari Raya Aidilfitri. Baraan juga akan dilakukan pada setiap tahun. Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh Responden 8 dan Responden 9, jelaslah menunjukkan bahawa masyarakat Jawa di Kampung Parit Lapis Laman, Johor masih mengekalkan adat Jawa pada masa kini.

Walau bagaimanapun terdapat budaya masyarakat Jawa yang masih diamalkan sehingga kini. Responden 5 ada menyatakan bahawa *“Jawa ni kalau ada orang datang. Dia macam benda tu wajib. Bagi air, suruh makan. Apa yang tetamu datang bawak [makanan atau minuman], akan dikeluarkan balik”*. (Responden 5, Temu bual, 23 September 2021).

Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh Responden 5, beliau menjelaskan bahawa budaya utama yang dilakukan oleh masyarakat Jawa adalah mengamalkan adat bertamu. Adat bertamu yang dilakukan oleh masyarakat Jawa adalah wajib melayan tetamu yang datang ke rumah dengan baik iaitu dengan menghidangkan air dan makanan untuk dijamu kepada tetamu yang datang ke rumah. Menurut beliau juga sekiranya tetamu yang datang ke rumah membawa makanan dan minuman, masyarakat Jawa perlulah mengeluarkan hidangan yang dibawa oleh tetamu tersebut untuk menjamah hidangan secara bersama-sama. Pernyataan ini telah disokong oleh Responden 10 yang menyatakan bahawa *“Biasanya orang Jawa ni kalau tetamu datang dia akan hidang makanan. Walaupun hanya biskut kering. Sebab pada diorang tetamu ni membawa rezeki. Macam kita ni kena layan tetamu baik-baik”*. (Responden 10, Temu bual, 8 Oktober 2021).

Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh Responden 10, antara budaya utama masyarakat Jawa adalah wajib melayan tetamu yang datang ke rumah dengan menghidangkan air dan makanan kepada tetamu. Ini kerana pada pandangan mereka tetamu yang datang akan membawa rezeki kepada mereka sekeluarga. Oleh itu, tetamu perlulah

dilayan dengan baik. Islam juga menggalakkan untuk bergaul antara satu sama lain agar dapat mengukuhkan hubungan persaudaraan antara Islam dengan mengamalkan amalan bertamu kerana tetamu yang datang akan membawa rezeki (Omar & Salleh, 2018).

4.2 Variasi bahasa Jawa yang digunakan di Kampung Parit Lapis Laman, Johor pada masa kini

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2022), variasi bahasa merupakan kepelbagaian bahasa. Setiap peringkat bahasa Jawa mempunyai fungsi yang tersendiri. Setiap peringkat bahasa Jawa ini juga memainkan peranan dalam membentuk setiap tingkah laku dalam kehidupan manusia (Khazanah, 2012). Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh pengkaji, variasi bahasa Jawa adalah kepelbagaian bahasa dalam bahasa Jawa. Ini kerana variasi bahasa Jawa terbahagi kepada beberapa jenis. Perbezaan yang dapat dibuat berdasarkan bahasa Jawa ini adalah dari segi sebutan.

4.2.1 Sejarah Masyarakat Jawa

Terdapat peristiwa berkaitan sejarah masyarakat Jawa yang dinyatakan oleh beberapa responden yang berada di Kampung Parit Lapis Laman, Johor. Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh Responden 2, beliau menyatakan bahawa *“Ayah kita asal memang Indonesia yang datang ke sini. Mak memang lahir sini. Jadi dia punya heritage [warisan] tu kita boleh teruskan lagi”*. (Responden 2, Temu bual, 22 September 2021).

Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh Responden 2, beliau menyatakan bahawa ayah beliau merupakan masyarakat Jawa yang berasal dari Indonesia. Oleh itu, setiap warisan budaya daripada masyarakat Jawa perlulah dikekalkan sehingga kini. Kenyataan ini telah disokong oleh Responden 3 yang menyatakan bahawa *“Orang-orang tua ni asalnya dulu daripada Indonesia kan? Dia memang cakap Jawa. Bahasa Jawa tu ibunda dia tu memang bahasa Jawa...”*. (Responden 3, Temu bual, 23 September 2021).

Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh Responden 3, beliau menjelaskan bahawa masyarakat Jawa dahulu merupakan masyarakat yang berasal dari Indonesia. Masyarakat Jawa dari Indonesia merupakan salah sebuah masyarakat yang bermigrasi ke Tanah Melayu dan masih menetap sehingga kini. Masyarakat Jawa mula bermigrasi ke Tanah Melayu pada abad ke sembilan (Tamrin, 1977). Bahasa Jawa yang digunakan juga merupakan bahasa ibunda bagi masyarakat Jawa. Jelaslah menyatakan bahawa masyarakat Jawa di Kampung Parit Lapis Laman, Johor merupakan masyarakat Jawa yang berasal dari Indonesia. Ini menjadikan mereka masih mengekalkan bahasa Jawa sebagai bahasa ibunda mereka. Mereka juga ingin meneruskan warisan masyarakat Jawa agar tidak ditelan dek zaman.

Responden 5 turut menjelaskan mengenai peristiwa masyarakat Jawa bahawa *“Jawa ni kan dulu dari Indon. Indon ni ada Jawa Tengah, Jawa Timur, Jawa Barat”*. (Responden 5, Temu bual, 23 September 2021).

Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh Responden 5, masyarakat Jawa di Indonesia terbahagi kepada tiga kategori masyarakat Jawa. Yang pertama adalah Jawa Tengah, yang kedua adalah Jawa Timur dan yang ketiga adalah Jawa Barat. Kenyataan ini telah disokong oleh kajian lepas bahawa bahasa Jawa terbahagi kepada tiga kelompok iaitu kelompok

bahasa Jawa di bahagian Jawa Barat, Jawa Tengah dan Jawa Timur (Uhlenbeck, 1964). Jelaslah bahawa masyarakat Jawa yang bermigrasi ke Tanah Melayu merupakan masyarakat yang datang dari Indonesia.

4.2.2 Jenis Bahasa Jawa

Berdasarkan temu bual yang dijalankan, didapati terdapat beberapa jenis bahasa Jawa. Berdasarkan pernyataan yang diberikan oleh Responden 4, beliau menyatakan bahawa “*Satu yang bahasa kraton. Kraton ni istana. Dia bahasa bangsawan. Dia lagi halus lagi...*”. (Responden 4, Temu bual, 23 September 2021).

Berdasarkan pernyataan yang diberikan oleh Responden 4, beliau menyatakan bahawa bahasa Jawa yang pertama adalah bahasa Jawa kraton. Bahasa Jawa Kraton merupakan bahasa istana yang digunakan oleh golongan bangsawan. Bahasa Jawa kraton merupakan bahasa Jawa yang lebih halus. Kenyataan ini telah disokong oleh kajian lepas yang menyatakan bahawa bahasa istana berkait rapat dengan kesantunan antara penutur dan pendengar (Mukminatun et al., 2006). Dalam kalangan bangsawan lelaki tertinggi Yogyakarta dan Surakarta, satu bahasa istimewa telah digunakan iaitu bahasa istana yang juga dikenali sebagai *basa kedhaton* atau dahulunya dipanggil sebagai *basa bagongan* (Errington, 1982).

Seterusnya, Responden 4 juga menjelaskan bahawa:

...Yang Jawa Halus ni biasanya kalau dekat Indonesia lah. Dekat sini dah tak praktis dah. Biasanya orang muda dia kan cakap dengan orang tua-tua guna bahasa halus. Sebab bahasa Jawa Halus tu dia bahasa yang standard. Macam

orang Jawa ni dia banyak dipanggil totokromo. Totokromo ni berbudi bahasa.

(Responden 4, Temu bual, 23 September 2021).

Berdasarkan pernyataan yang diberikan oleh Responden 4, beliau menyatakan bahawa bahasa Jawa yang kedua adalah bahasa Jawa halus. Bahasa Jawa Halus dikenali sebagai bahasa Jawa Inggil. Bahasa Jawa Halus digunakan oleh masyarakat biasa (Khazanah, 2012). Bahasa Jawa halus merupakan peringkat bahasa yang menunjukkan tahap kesopanan yang tinggi (Poedjasoedarma, 1979). Bahasa Jawa Halus merupakan bahasa yang standard dan ia digunakan apabila berkomunikasi dengan orang yang lebih tua daripada kita atau orang yang baru dikenali. Sebagai contoh, bahasa Jawa halus kebiasaannya digunakan untuk seseorang yang mempunyai pangkat di atas kita serta orang yang lebih tua daripada kita seperti kakak, orang tua dan guru (Wijana, 2008). Tujuan bahasa Jawa Halus digunakan adalah untuk menunjukkan sifat menghormati kepada individu tersebut. Bahasa Jawa Halus merupakan bahasa yang mempunyai kesopanan yang tinggi kerana intonasi yang digunakan semasa berkomunikasi adalah lebih lembut.

Responden 4 turut menyatakan “*Jawa Kasar ni dia macam bahasa pasar... Cakap Jawa Kasar untuk kalau dah kawan tau. Dah kawan rapat baru cakap Jawa Kasar. Tapi dekat Malaysia ni tak ada. Bantai je semua Jawa Kasar*”. (Responden 4, Temu bual, 23 September 2021).

Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh Responden 4, beliau menjelaskan mengenai bahasa Jawa yang ketiga iaitu bahasa Jawa Kasar. Bahasa Jawa Kasar dikenali sebagai bahasa Jawa Ngoko (Wijana, 2008). Bahasa Jawa Kasar merupakan bahasa yang digunakan oleh majoriti masyarakat di Kampung Parit lapis Laman, Johor. Bahasa Jawa Kasar merupakan bahasa yang mempunyai intonasi yang lebih kasar jika ingin dibandingkan

dengan bahasa Jawa Halus. Ini kerana bahasa Jawa kasar merupakan peringkat bahasa yang menunjukkan tahap kesopanan yang rendah (Poedjasoedarma, 1979). Responden 4 juga menjelaskan bahasa Jawa Kasar merupakan bahasa pasar dan ia hanya digunakan untuk berkomunikasi dengan kawan rapat atau kawan yang sudah lama dikenali. Namun, menurut beliau juga pada masa kini penggunaan bahasa Jawa Kasar di Malaysia telah digunakan dengan semua golongan tidak mengira usia, pangkat dan darjat. Bahasa pasar juga kebiasaannya dipandang rendah oleh masyarakat kerana ia bukan bahasa yang standard namun ia mudah difahami oleh golongan muda yang menggunakannya (Bakar, 2013).

4.2.3 Kepentingan Penggunaan Bahasa Jawa

Terdapat beberapa kepentingan penggunaan bahasa Jawa yang dapat dilihat berdasarkan kajian yang dilaksanakan oleh pengkaji. Berdasarkan pernyataan yang diberikan oleh Responden 4, antara kepentingan sekiranya menggunakan bahasa Jawa adalah "*Sebab sekurang-kurangnya kita ada kelebihan bahasa lain kan? Rasa rugi lah kalau kita hilang bahasa Jawa tu*". (Responden 4, Temu bual, 23 September 2021).

Berdasarkan pernyataan yang diberikan oleh Responden 4, beliau menyatakan antara kepentingan penggunaan bahasa Jawa adalah dapat mengetahui banyak bahasa. Ini menjadikan seseorang yang mempunyai kefahaman dalam banyak bahasa akan menjadi lebih produktif. Kenyataan ini telah disokong oleh Responden 9 yang menyatakan "*Sebab sekurang-kurangnya kita ada kelebihan bahasa lain kan? Rasa rugi lah kalau kita hilang bahasa Jawa tu*". (Responden 9, Temu bual, 27 September 2021).

Berdasarkan pernyataan yang diberikan oleh Responden 9, kepentingan penggunaan bahasa Jawa adalah dapat mempunyai pengetahuan mengenai kepelbagaian bahasa. Ini dapat menjadikan seseorang mempunyai kelebihan kefahaman dalam pelbagai bahasa. Kefahaman dalam penggunaan bahasa Jawa juga dapat meningkatkan ilmu pengetahuan bahasa seseorang individu daripada individu yang lain. Ini kerana kepentingan mengetahui banyak bahasa tambahan adalah dapat menambah ilmu pengetahuan seseorang mengenai bahasa baharu (Regoli, 2019). Jelaslah bahawa kepentingan penggunaan bahasa Jawa adalah dapat meningkatkan ilmu pengetahuan seseorang dalam sesuatu bahasa.

Seterusnya, antara kepentingan penggunaan bahasa Jawa menurut Responden 3 adalah *“Jadi dari segi percakapan memang banyak kelebihan lah. Contoh ada apa-apa ke campur dengan orang-orang tua boleh cakap bahasa Jawa kan....”*. (Responden 9, Temu bual, 27 September 2021).

Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh Responden 3, antara kepentingan penggunaan bahasa Jawa adalah dapat berkomunikasi dengan golongan tua. Kenyataan ini telah disokong oleh Responden 7 yang menyatakan bahawa *“...Kalau jumpa jumpa orang tua boleh borak. Dekat luar tu kadang-kadang bila dengar orang tu cakap Jawa kalau kita boleh mencelah. Kita boleh kenal”*. (Responden 7, Temu bual, 26 September 2021).

Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh Responden 7, kepentingan penggunaan bahasa Jawa adalah seseorang itu lebih mudah untuk berkomunikasi dalam bahasa Jawa dan lebih mudah bercampur dengan golongan tua. Ini kerana kebiasaannya golongan tua lebih selesa menggunakan bahasa Jawa semasa berkomunikasi antara satu sama lain (Pawit & Said, 2014). Ini akan menjadikan kemahiran dalam penggunaan bahasa Jawa dalam kalangan generasi muda dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara golongan muda dan

golongan tua bagi membentuk hubungan persahabatan. Ini kerana sekiranya seseorang dapat mengetahui banyak bahasa, mereka lebih cenderung untuk mempunyai lebih ramai kawan jika ingin dibandingkan dengan seseorang yang hanya mengetahui satu bahasa (Regoli, 2019). Jelaslah menyatakan bahawa kepentingan penggunaan bahasa Jawa dapat memudahkan golongan muda untuk bergaul dengan golongan yang lebih berusia.

Seterusnya, kepentingan penggunaan bahasa Jawa yang dinyatakan oleh Responden 3 adalah *“Orang nak tipu kita pun tak boleh bila kita pandai cakap dan kita faham. Dari segi jual beli pun tawar menawar pun senang nak dapat murah”*. (Responden 3, Temu bual, 23 September 2021).

Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh Responden 3, kepentingan penggunaan bahasa Jawa adalah kita tidak mudah ditipu. Urus niaga dalam perniagaan bagi masyarakat Jawa dengan masyarakat Jawa pula adalah lebih mudah kerana urusan tawar menawar dapat dilakukan. Kenyataan ini telah disokong oleh Responden 10 yang menyatakan bahawa *“Selalu kalau orang mengutuk kita dalam bahasa Jawa, contoh orang mengata kita, orang dulu-dulu nak mengata orang muda, kan diorang suka guna bahasa Jawa. So, dekat situ kita tahu apa yang dia kutuk kita”*. (Responden 10, Temu bual, 8 Oktober 2021).

Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh Responden 10, kepentingan penggunaan bahasa Jawa adalah kita dapat memhami sekiranya terdapat masyarakat Jawa yang mengutuk dan menyindir kita dengan menggunakan bahasa Jawa. Oleh itu, kita dapat memahami sekiranya terdapat orang yang bercakap perkara yang tidak baik mengenai diri kita. Jelaslah bahawa terdapat banyak kepentingan dalam penggunaan bahasa Jawa. Antara kepentingan penggunaan bahasa Jawa adalah kita tidak mudah ditipu dalam urusan jual beli. Ia juga dapat memudahkan seseorang untuk memberi masa depan yang cerah kerana

tidak mudah ditipu dalam bidang perniagaan (Regoli, 2019). Kepentingannya juga kita dapat mengetahui sekiranya terdapat individu yang mengutuk kita dengan menggunakan bahasa Jawa.

4.2.4 Variasi Bahasa Jawa Yang Digunakan Oleh Masyarakat Jawa

Masyarakat Jawa masih menggunakan bahasa Jawa sebagai bahasa perantaraan antara satu sama lain. Namun, penggunaan bahasa Jawa yang digunakan adalah bahasa Jawa kasar. Kebanyakan masyarakat Jawa tidak menggunakan bahasa Jawa halus sebagai bahasa perantaraan antara satu sama lain kerana ibu bapa mereka tidak mendedahkan bahasa Jawa halus kepada generasi pada masa kini (Likin, 2009). Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh pengkaji, Jadual 4.1 menunjukkan variasi bahasa bagi beberapa perkataan dalam bahasa Jawa Kasar iaitu *koe* dan perkataan bahasa Jawa Halus iaitu *sampien* yang diberikan contoh oleh masyarakat di kawasan kajian. Berdasarkan Jadual 4.1, perkara yang dapat dilihat adalah masyarakat di Kampung Parit Lapis Laman, Johor lebih mahir dalam penggunaan bahasa Jawa Kasar jika ingin dibandingkan dengan bahasa Jawa Halus. Ini kerana mereka lebih mengetahui perkataan bahasa Jawa kasar berbanding bahasa Jawa Halus.

Jadual 4.1: Variasi Bahasa Jawa Kasar dan Bahasa Jawa Halus

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

No.	Bahasa Melayu	Bahasa Jawa Kasar	Bahasa Jawa Halus
1.	Terima kasih mak sedara	Terima kasih mokdek	Maternuon mokdek
2.	Apa khabar mak sedara?	Kabare mokdek?	Kabare kenek?
3.	Awak dari mana?	We ko ngendi?	Sampien tenkundi?
4.	Saya	Aku/ Riko	Kulo
5.	Awak	Koe	Sampien
6.	Awak dah makan?	Kue wes mangan?	Sampien punedi?
7.	Makan	Mangan/ Madang Badok (nada marah)	Nedik/ Jahar
8.	Tidur	Turu	Tilem/ Sarei
9.	Sihat	Waras	Luceng
10.	Iya	Iyo	Enggeh
11.	Tengah buat apa?	Gaei opo?	Dameng nopo?
12.	Awak buat apa?	Koe gaei opo?	Sampien dameng nopo?/ Jenengen dameng nopo?
13.	Entah tak tahu	Emboh rak ngerti	Emboh rak ngertos

14.	Tahu	Ngerti	Ngertos
15.	Dah	Empon	
16.	Belum	Tereng	
17.	Apa ni?	Opo iki?	
18.	Datuk/ Nenek	Embah	
19.	Apa khabar?	Opo kabare?/ Weng goyo opo?	
20.	Tak ada	Orak eneng	
21.	Periuk masak	Kendelindi	
22.	Sudip	Sudetendi	
23.	Mesra	Guyup	
24.	Hari raya	Bodho	
25.	Bekas/ Telap	Rodong	
26.	Maaf	Ngahpuro	
27.	Minta maaf	Jalok ngahpuro	
28.	Sikit-sikit	Sitik-sitik	
29.	Basah	Teles	
30.	Bodoh	Goblok/ Pengor	

31.	Minum	Ngombe	
32.	Nak pergi mana?	Arep mengendi?	
33.	Mandi parit	Lumban	
34.	Padan muka	Kapok	
35.	Kepala kau	Endasmu	
36.	Telinga	Kuping	
37.	Perbuatan mencuri dengar perbualan orang	Nguping	
38.	Satu	Siji	
39.	Dua	Loro	
40.	Tiga	Telu	
41.	Empat	Papat	
42.	Lima	Limo	

4.3 Penggunaan bahasa Jawa oleh masyarakat di Kampung Parit Lapis Laman, Johor pada masa kini

Malaysia merupakan sebuah negara yang masih terdapat penutur bahasa Jawa. Walau bagaimanapun, bahasa Jawa merupakan bahasa minoriti yang digunakan oleh penduduk di Malaysia (Harun & Yusof, 2015). Bahasa Jawa kebiasaannya digunakan di kawasan Johor, Selangor dan Perak (Subakir, 1998). Kebiasaannya juga penutur bahasa Jawa adalah dalam kalangan masyarakat Jawa yang lebih berusia kerana mereka lebih selesa untuk menggunakan bahasa Jawa semasa berinteraksi antara satu sama lain kerana bahasa tersebut merupakan bahasa ibunda mereka. Namun begitu, walaupun golongan muda masyarakat Jawa menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa utama dalam komunikasi namun bahasa Jawa masih digunakan sebagai bahasa kedua (Pawit & Said, 2014). Masyarakat Jawa kebiasaannya menggunakan bahasa Jawa semasa mereka mengadakan aktiviti-aktiviti masyarakat Jawa seperti aktiviti rewang (Yana & Yew, 2017).

4.3.1 Penutur Bahasa Jawa Mengikut Peringkat Umur

Mengikut Jabatan Perangkaan Malaysia, struktur umur terbahagi kepada tiga kategori. Struktur umur yang pertama adalah golongan muda. Golongan muda adalah golongan bayi sehingga mereka berumur 14 tahun. Struktur umur yang kedua pula adalah golongan umur yang bekerja iaitu berumur 15 tahun hingga 64 tahun. Manakala struktur umur yang ketiga adalah golongan tua yang berumur 65 tahun ke atas. Menurut Majlis Belia Malaysia (MBM) dan Kementerian Belia dan Sukan Malaysia (KBS) pula golongan belia adalah berumur 15 tahun hingga 30 tahun. Menurut Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO)

golongan tua atau warga emas adalah berumur 55 tahun ke atas. Berdasarkan pemerhatian dan kajian yang dijalankan oleh pengkaji, tidak semua masyarakat Jawa yang menetap di Kampung Parit Lapis Laman, Johor menggunakan bahasa Jawa sebagai bahasa harian mereka. Jadual 4.2 menunjukkan golongan umur dan bahasa harian yang digunakan oleh masyarakat di Kampung Parit Lapis Laman, Johor.

Jadual 4.2: Golongan umur dan bahasa harian yang digunakan oleh masyarakat di Kampung Parit Lapis Laman, Johor.

Sumber: Kajian Lapangan, 2021

Golongan (Umur)	Responden	Bahasa harian yang digunakan
Golongan Muda (18 – 30)	Responden 7	Bahasa Melayu
	Responden 10	Bahasa Melayu
Golongan Pertengahan (31 – 50)	Responden 3	Bahasa Melayu + Bahasa Jawa
	Responden 6	Bahasa Melayu + Bahasa Jawa
	Responden 8	Bahasa Melayu + Bahasa Jawa
	Responden 9	Bahasa Melayu + Bahasa Jawa
Golongan Tua (51 – 65)	Responden 1	Bahasa Jawa
	Responden 2	Bahasa Jawa
	Responden 4	Bahasa Jawa
	Responden 5	Bahasa Jawa

Jadual 4.2 menunjukkan peringkat umur antara golongan pertengahan iaitu 31 tahun hingga 50 tahun dan golongan tua iaitu 51 tahun hingga 65 tahun merupakan golongan yang masih menggunakan bahasa Jawa sebagai bahasa harian. Golongan tua merupakan golongan yang menggunakan bahasa Jawa sepenuhnya dalam bahasa harian mereka. Ia dapat dibuktikan bersama Responden 5 yang berumur 63 tahun yang menyatakan bahawa:

[Penutur bahasa jawa di Kampung Parit Lapis Laman, Johor adalah sebanyak] 100%. Kita jumpa kawan tak ada cakap Melayu.... yang sebaya Wak Adam, adik Wak Adam jumpa dengan kawan memang cakap Jawa. Tak cakap Melayu. Macam nak cakap Melayu tapi malu. Dengan orang rumah cakap Jawa, dengan mak cakap Jawa. (Responden 5, Temu bual, 23 September 2021).

Berdasarkan pernyataan yang diberikan oleh Responden 3, beliau menyatakan bahawa sebanyak 100% penggunaan bahasa Jawa telah digunakan dalam kalangan mereka. Responden 5 juga menyatakan bahawa mereka akan berkomunikasi menggunakan bahasa Jawa di rumah bersama dengan ahli keluarga terdekat iaitu isteri, mak dan adik beradik beliau. Selain itu, beliau juga turut berkomunikasi menggunakan bahasa Jawa dengan rakan sebaya apabila berjumpa. Beliau lebih berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Jawa antara usia mereka kerana beliau berasa malu jika menggunakan bahasa Melayu. Ini kerana mereka sudah dibesarkan daripada usia kecil dengan penggunaan bahasa Jawa. Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh Responden 5, jelas menyatakan bahawa golongan tua lebih menggunakan bahasa Jawa dalam bahasa harian mereka.

Walau bagaimanapun pengkaji telah mendapati golongan pertengahan turut menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa harian. Ia dapat dibuktikan bersama Responden 3 yang berumur 46 tahun yang menyatakan bahawa:

Haa, jadi bila kita campur orang tu tengok lah kalau kita bercakap dengan orang tua mungkin diorang pakai bahasa Jawa. Kalau cakap dengan orang yang umur macam saya 40 lebih ni dah cakap bahasa Melayu. Haaa, tapi mungkin ada bercampur dengan bahasa Jawa. (Responden 3, Temu bual, 23 September 2021).

Berdasarkan pernyataan yang diberikan oleh Responden 3, beliau menyatakan bahawa penggunaan bahasa Jawa hanya digunakan sekiranya beliau berkomunikasi dengan warga tua namun beliau lebih selesa menggunakan bahasa Melayu apabila berkomunikasi dengan rakan sebaya. Walau bagaimanapun, beliau merupakan golongan yang mahir dalam penggunaan bahasa Jawa. Beliau akan menggunakan bahasa Jawa mengikut situasi dengan siapa beliau ingin berkomunikasi. Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh Responden 3, jelas menyatakan bahawa golongan pertengahan hanya menggunakan bahasa Jawa apabila mereka berkomunikasi dengan warga tua. Namun begitu, golongan pertengahan lebih selesa menggunakan bahasa Melayu apabila mereka berkomunikasi dengan rakan sebaya.

Berdasarkan Jadual 4.2 golongan muda yang berumur 18 tahun hingga 30 tahun pula dilihat hanya menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya sebagai bahasa harian. Ia dapat dibuktikan bersama Responden 7 yang berumur 28 tahun yang menyatakan bahawa “*Cakap Melayu je. Tapi kalau orang cakap Jawa faham. Faham. Betul-betul faham lah. Nak cakap tu tengok keadaan lah. Kadang macam boleh. Kadang macam tak boleh*”. (Responden 7, Temu bual, 26 September 2021).

Berdasarkan pernyataan yang diberikan oleh Responden 7, beliau menyatakan bahawa beliau lebih menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa harian. Walau bagaimanapun, beliau memahami bahasa Jawa yang disampaikan oleh golongan tua namun beliau masih

tidak yakin untuk berkomunikasi menggunakan bahasa Jawa kerana beliau merasakan diri masih kurang mahir untuk menggunakan bahasa Jawa. Beliau juga tidak menggunakan bahasa Jawa semasa berkomunikasi kerana takut dan malu sekiranya penggunaan bahasa Jawa yang digunakan adalah salah dan tidak betul. Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh Responden 7, jelas menyatakan bahawa golongan muda lebih menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa harian. Walaupun begitu, golongan muda masih memahami bahasa Jawa yang digunakan oleh golongan pertengahan dan golongan tua.

4.3.2 Aktiviti Sosial Yang Menggunakan Bahasa Jawa

Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2022), aktiviti sosial merupakan satu aktiviti yang melibatkan percampuran antara masyarakat dan ia juga dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara satu sama lain. Aktiviti sosial mempunyai empat kriteria iaitu altruisme, kreativiti, permainan dan gerakan (Flatt, et al., 2016). Altruisme adalah aktiviti sosial yang melibatkan seseorang melakukan sesuatu untuk orang lain atau menyediakan perkhidmatan untuk membantu. Kreativiti adalah aktiviti sosial yang melibatkan imaginasi dan penciptaan realiti yang berbeza. Permainan pula adalah aktiviti sosial yang melibatkan permainan dengan pelbagai tahap cabaran, peluang (menang atau kalah), persaingan. Gerakan adalah sosial aktiviti yang melibatkan pergerakan atau mengubah persepsi seseorang. Berdasarkan kajian yang dijalankan, aktiviti sosial yang banyak menggunakan bahasa Jawa berbanding bahasa Melayu oleh masyarakat di Kampung Parit Lapis Laman, Johor adalah hanya aktiviti sosial altruisme dan gerakan. Ia dapat dibuktikan bersama Responden 1 yang menyatakan bahawa:

...ada majlis-majlis perkahwinan, gotong-royong semua dia gunakan Bahasa Jawa. Kalau tukang masak dekat belakang-belakang [tempat merewang] tu memang guna Bahasa Jawa... Kalau kita jumpa rakan sebaya memang cakap Jawa. Cuma kalau majlis yang formal dia akan cakap Melayu. Tapi kalau saya sebagai pengerusi surau, saya akan cakap Bahasa Jawa. (Responden 1, Temu bual, 21 September 2021).

Berdasarkan pernyataan yang diberikan oleh Responden 1, beliau menyatakan bahawa majlis yang lebih menggunakan bahasa Jawa berbanding bahasa Melayu adalah majlis perkahwinan, gotong-royong, aktiviti merewang dan mesyuarat kampung. Beliau juga menyatakan bahawa beliau akan berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Jawa sekiranya beliau berjumpa dengan rakan sebaya. Kenyataan ini telah disokong oleh Responden 6 yang menyatakan bahawa “...Setiap kali majlis lah memang diorang lebih guna bahasa Jawa. Macam ada perjumpaan dekat balai raya ke. Haa macam tu lah.”. (Responden 6, Temu bual, 23 September 2021).

Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh Responden 6, setiap majlis yang diadakan kebiasaannya akan menggunakan bahasa Jawa. Antara majlis mesyuarat kampung yang lebih menggunakan bahasa Jawa adalah perjumpaan di balai raya.

Berdasarkan aktiviti sosial yang dinyatakan oleh Responden 1 dan Responden 6, kriteria aktiviti sosial altruisme yang dilakukan oleh masyarakat di Kampung Parit Lapis Laman, Johor ialah majlis perkahwinan dan mesyuarat kampung di balai raya. Hal ini kerana ia melibatkan masyarakat kampung yang melakukan sesuatu untuk menyediakan perkhidmatan bagi membantu antara satu sama lain. Manakala kriteria aktiviti sosial gerakan yang dilakukan oleh masyarakat di Kampung Parit Lapis Laman, Johor pula ialah

aktiviti merewang yang dijalankan semasa melaksanakan majlis perkahwinan. Hal ini melibatkan pergerakan masyarakat kampung bagi menyiapkan persiapan sesuatu majlis. Perkara ini dapat menunjukkan bahawa masyarakat di Kampung Parit Lapis Laman, Johor lebih menggunakan bahasa Jawa berbanding berbanding bahasa Melayu ketika berada di majlis perkahwinan, mesyuarat kampung di balai raya, dan aktiviti merewang.

4.3.3 Cara Berkomunikasi Masyarakat Jawa

Golongan muda yang menetap di Kampung Parit Lapis Laman, Johor telah dilihat berkomunikasi dengan menggunakan bahasa slanga. Bahasa slanga adalah penggunaan bahasa yang tidak rasmi dan merupakan bahasa yang tidak dianggap standard kerana ia adalah kosa kata yang tidak rasmi dan kebiasaannya digunakan oleh golongan muda (Hashim, et al., 2016). Bahasa slanga yang dimaksudkan dalam kajian ini adalah terdapat sesetengah golongan muda di kampung ini berkomunikasi menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi tetapi mempunyai intonasi slanga dalam bahasa Jawa. Berdasarkan penjelasan yang diberikan oleh Responden 4, beliau menyatakan bahawa:

Johor ni kalau ikut kan bahasa Melayu Riau kan? Kalau ada dulu tu dia 'orang' tu 'orrrrangg'. 'R' dia tu macam Melayu betul. Tapi sekarang ni orang Jawa pun dah cakap Melayu, jadi orang tu 'R' tu jadi tebal macam terbentuk satu bahasa Melayu tapi ada loghat Jawa.... Bahasa Melayu kita kan macam kejawaan. (Responden 4, Temu bual, 23 September 2021).

Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh Responden 4, beliau menyatakan bahawa negeri Johor merupakan negeri yang menggunakan bahasa Melayu Riau. Ini kerana Johor merupakan negeri yang terletak dalam kawasan dialek Melayu iaitu dialek Johor-Riau (Omar, 1988). Menurut Responden 4 antara contoh bahasa Melayu Riau yang digunakan oleh masyarakat di Kampung Parit Lapis Laman, Johor adalah ‘*orrranggg*’. Menurut beliau juga penggunaan huruf ‘R’ yang digunakan oleh masyarakat Jawa adalah lebih tebal berbanding bahasa Melayu biasa. Ia boleh dilihat sehingga bahasa yang digunakan dikatakan mempunyai slang dalam bahasa Jawa. Kenyataan ini telah disokong oleh Responden 8 yang menyatakan bahawa “*Walaupun slang dia Jawa, tapi cakap Melayu. Juaohhh. Haa macam gitu lah. Dualam. Tempatnya duualam. Tapi cakap Melayu tapi ada slang Jawa...*”. (Responden 8, Temu bual, 26 September 2021).

Berdasarkan pernyataan yang diberikan oleh Responden 8, menurut beliau terdapat sesetengah golongan muda di kampung ini yang berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Melayu namun terselit terselit slang dalam bahasa Jawa yang menjadikan mereka mudah dikenali sebagai orang Jawa. menurut beliau juga antara contoh perkataan-perkataan bahasa Melayu yang mempunyai intonasi slang dalam bahasa Jawa yang digunakan oleh golongan muda di kawasan kajian adalah *juaohhh* dan *duuaalamm*. Perkara ini dapat menjelaskan bahawa golongan muda masyarakat Jawa di Kampung Parit Lapis Laman, Johor berkomunikasi dengan menggunakan bahasa slanga antara satu sama lain. Berdasarkan kajian yang dijalankan, cara berkomunikasi masyarakat Jawa dengan menggunakan bahasa slanga dapat dikaitkan dengan teori interaksi simbolik. Ini kerana penggunaan bahasa Jawa yang mempunyai gaya dan intonasi percakapan yang tersendiri dalam kalangan masyarakat Jawa dapat melambangkan identiti mereka sebagai masyarakat

Jawa. Ini terhasil disebabkan oleh simbol-simbol yang dicipta oleh masyarakat itu sendiri (Taofik, 2015).

Berdasarkan kajian yang dijalankan, bahasa Jawa turut digunakan sebagai bahasa kiasan. Menurut Dewan Bahasa dan Pustaka (2022), bahasa kiasan merupakan bahasa yang menerangkan mengenai sesuatu perkara dengan adanya makna yang tersirat. Bahasa kiasan juga turut digunakan sebagai perbandingan atau digunakan bagi menyindir seseorang atau masyarakat mengenai sesuatu perkara yang mempunyai tujuan untuk menegur (Halid, 2019). Berdasarkan penjelasan yang diberikan oleh Responden 5, beliau menyatakan bahawa *“Tapi untuk bahasa marah, ‘mangan’ tu tak sesuai. Macam lembut sangat ‘mangan’. Tapi kalau ‘badok’, orang kerjanya badok. Haa gitu lah. Itu sama ‘badok’, ‘mangan’ tu sama. Cuma tengok situasi keadaan dia nak letak dekat mana”*. (Responden 5, Temu bual, 23 September 2021).

Berdasarkan pernyataan yang diberikan oleh Responden 5, menurut beliau bahasa Jawa digunakan mengikut situasi sebagai bahasa kiasan apabila marah, menyindir seseorang. Kenyataan ini turut disokong oleh Responden 8 yang menyatakan bahawa *“Kalau nak kutuk orang kadang-kadang pakai Jawa. Setengah orang tak faham. Padahal benda tu gurau bukannya untuk apa...Benda tu tak dijadikan gaduh tau. Macam kita cakap dengan member ‘pengor’ [bodoh]. Tapi orang Jawa tak kecil hati”*. (Responden 8, Temu bual, 26 September 2021).

Berdasarkan pernyataan yang diberikan oleh Responden 8, masyarakat Jawa menggunakan bahasa kiasan untuk menyindir seseorang. Namun begitu, sindiran yang diberikan bertujuan sebagai gurauan semata-mata. Beliau juga menjelaskan walaupun sindiran tersebut kedengaran agak kasar namun gurauan ini tidak diambil hati dan dijadikan gaduh oleh

masyarakat Jawa di kampung ini. Perkara ini dapat menjelaskan bahawa masyarakat Jawa lebih suka menggunakan bahasa kiasan bagi tujuan menyampaikan sesuatu perkara dalam bentuk sindiran dan gurauan antara satu sama lain. Berdasarkan kajian yang dijalankan, teori interaksi simbolik dapat dikaitkan dengan cara berkomunikasi masyarakat Jawa dengan menggunakan bahasa kiasan. Ini kerana masyarakat Jawa menggunakan bahasa kiasan bagi tujuan menyindir dan bergurau dengan seseorang. Masyarakat Jawa akan menggunakan bahasa Jawa sebagai bahasa kiasan apabila mereka ingin menyindir dan bergurau. Oleh itu, bahasa kiasan yang digunakan dalam bahasa Jawa oleh masyarakat Jawa di Kampung Parit Lapis Laman, Johor boleh dijadikan simbolik bagi masyarakat Jawa. Simbolik ini telah membawa maksud lambang bagi sesuatu (Siregar, 2011).

4.4 Nilai Murni Penggunaan Bahasa Jawa

Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh pengkaji, terdapat beberapa nilai murni sekiranya masyarakat di Kampung Parit Lapis Laman, Johor menggunakan bahasa Jawa dalam komunikasi harian. Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh Responden 1, antara nilai murni yang didapati sekiranya menggunakan bahasa Jawa adalah *“Kalau bagi orang Jawa dia satu kebanggaan sebab Bahasa Jawa ni Bahasa ibunda dan warisan yang masih diguna pakai lagi sehingga sekarang”*. (Responden 1, Temu bual, 21 September 2021).

Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh Responden 1, nilai murni yang didapati sekiranya menggunakan bahasa Jawa adalah berbangga menggunakan bahasa Jawa kerana bahasa Jawa merupakan bahasa ibunda bagi masyarakat Jawa. Bahasa Jawa juga merupakan warisan turun temurun yang masih digunakan pada masa kini. Kenyataan ini telah disokong oleh Responden 2 yang menyatakan bahawa *“Bagi saya yang pentingnya*

adalah kita ni kena berbangga dapat mewarisi Bahasa ibunda kita. Etnik kita etnik jawa tapi kita tak pandai cakap. Tapi sebenarnya jawa ni lebih kuat. Kampung sini yang banjar-banjar habis semua jadi jawa.” (Responden 2, Temu bual, 22 September 2021).

Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh Responden 2, beliau menyatakan bahawa masyarakat Jawa perlulah berbangga mewarisi bahasa ibunda masyarakat Jawa iaitu bahasa Jawa. Beliau juga berkata masyarakat Jawa perlulah mempunyai perasaan malu sekiranya tidak mahir dalam penggunaan bahasa Jawa. Perkara ini berlaku disebabkan oleh masyarakat Jawa di kawasan kajian merupakan masyarakat yang ramai sehingga masyarakat Banjar telah terasimilasi dan mejadi masyarakat Jawa. Oleh itu, setiap masyarakat perlulah mempunyai sifat bangga akan bahasa mereka terutamanya dalam kalangan generasi muda agar bahasa Jawa dapat dikekalkan dalam kalangan masyarakat Jawa (Zustiyantoro, 2013).

4.5 Cabaran Dalam Mengekalkan Penggunaan Bahasa Jawa

Berdasarkan kajian yang dijalankan, terdapat beberapa cabaran dalam mengekalkan penggunaan bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat. Berdasarkan temu bual yang dijalankan, Responden 1 ada menjelaskan bahawa *“Mungkin sebab pergaulan dalam persekolahan dia tak galakan guna Bahasa Jawa tapi guna bahasa Melayu”*. (Responden 1, Temu bual, 21 September 2021).

Berdasarkan pernyataan yang diberikan oleh Responden 1, antara cabaran dalam mengekalkan penggunaan bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat Jawa di Kampung Parit Lapis Laman, Johor adalah pihak sekolah tidak memberi galakan dalam penggunaan bahasa

Jawa semasa pelajar berada di sekolah. Ini kerana pihak sekolah lebih mengutamakan penggunaan bahasa Melayu ketika pelajar berada di kawasan sekolah. Perkara ini menjadikan pengaruh bahasa Melayu atau bahasa Kebangsaan telah menjadi punca penggunaan bahasa Jawa semakin berkurangan (Rofil et al., 2015). Kenyataan ini telah disokong oleh Responden 6 yang menyatakan bahawa *“Mungkin sebab tak diamalkan. Dekat sekolah pun mana ada cikgu cakap bahasa Jawa. Semua dah bahasa Melayu”*. (Responden 6, Temu bual, 23 September 2021).

Berdasarkan pernyataan yang diberikan oleh Responden 6, beliau menjelaskan bahawa cabaran dalam mengekalkan penggunaan bahasa Jawa adalah masyarakat Jawa pada masa kini terutamanya golongan yang masih bersekolah lebih selesa menggunakan bahasa Melayu kerana penggunaan bahasa Jawa jarang digunakan di peringkat persekolahan. Ini disebabkan oleh di peringkat sekolah tidak memberi galakan dalam penggunaan bahasa Jawa terutamanya golongan muda yang bersekolah di kawasan bandar. Perkara ini berlaku kerana bahasa Melayu merupakan bahasa yang sering digunakan di peringkat sekolah bagi golongan muda masyarakat Jawa dan menjadikan generasi muda masyarakat Jawa di Malaysia lebih selesa untuk menggunakan bahasa Melayu jika ingin dibandingkan dengan bahasa ibunda mereka iaitu bahasa Jawa (Shahbuddin & Omar, 2020).

Berdasarkan pernyataan yang diberikan oleh Responden 7, antara cabaran dalam memngkekalkan penggunaan bahasa Jawa adalah *“Kalau mak bapak tak cakap Jawa dengan anak diorang memang habis lah Jawa tu. Memang anak-anak diorang tak tahu...”*. (Responden 7, Temu bual, 26 September 2021).

Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh Responden 7, beliau menjelaskan cabaran dalam mengekalkan penggunaan bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat Jawa adalah terdapat segelintir ibu bapa tidak mendedahkan penggunaan bahasa Jawa kepada anak-anak mereka. Perkara ini menjadikan anak-anak mereka tidak mengetahui mengenai bahasa Jawa. Kenyataan ini telah disokong oleh Responden 10 yang menyatakan bahawa “*Sebab mak ayah tak terapkan macam mak ayah terapkan bahasa Inggeris. Sebab sekarang ni mak ayah pun selalu cakap bahasa Inggeris kalau dekat rumah. Jadi, kurang terapkan bahasa Jawa ni*”. (Responden 10, Temu bual, 8 Oktober 2021).

Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh Responden 10, beliau menjelaskan bahawa antara cabaran dalam mengekalkan penggunaan bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat Jawa adalah ibu bapa tidak menerapkan penggunaan bahasa Jawa seperti ibu bapa menerapkan penggunaan bahasa Inggeris ketika berada di rumah. Perkara ini terjadi kerana ibu bapa lebih mementingkan penggunaan bahasa Inggeris berbanding bahasa Jawa. Ibu bapa juga menganggap bahasa Jawa merupakan bahasa yang tidak mempunyai kepentingan jika digunakan pada masa kini. Ini menjadikan bahasa Jawa kurang dipraktikkan dalam kehidupan seharian oleh komuniti masyarakat Jawa (Pawit & Said, 2014). Berdasarkan pernyataan yang diberikan oleh Responden 7 dan Responden 10 jelas menunjukkan cabaran dalam mengekalkan penggunaan bahasa Jawa adalah masyarakat Jawa tidak mengamalkan penggunaan bahasa Jawa dalam kalangan pelajar sekolah dan anak-anak mereka sendiri.

Seterusnya, Responden 2 turut menyatakan cabaran dalam mengekalkan penggunaan bahasa Jawa iaitu “*Kadang ada yang berlagak. Katanya cakap jawa ni malu. Kata dia mcm kampung. Lepas tu kata dia ni mesti dari Indonesia ni. Dia lagi bangga kalau cakap Melayu...*”. (Responden 2, Temu bual, 22 September 2021).

Berdasarkan kenyataan yang diberikan oleh Responden 2, beliau menyatakan bahawa antara cabaran dalam mengekalkan penggunaan bahasa Jawa adalah masyarakat Jawa mempunyai perasaan malu apabila ingin berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Jawa. Ini kerana masyarakat Jawa menganggap penggunaan bahasa Jawa dikategorikan sebagai orang kampung yang datang dari negara Indonesia. Oleh kerana itu masyarakat Jawa lebih selesa dan mempunyai perasaan bangga untuk menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa komunikasi antara satu sama lain. Kenyataan ini telah disokong oleh Responden 6 yang menyatakan “...Kadang-kadang kita ni sama-sama Jawa, Nak cakap dengan kawan kita Jawa pun malu. Jadi kita cakap Melayu lah.”. (Responden 6, Temu bual, 23 September 2021).

Berdasarkan kenyataan yang dijelaskan oleh Responden 6, antara cabaran dalam mengekalkan penggunaan bahasa Jawa adalah golongan muda masyarakat Jawa mempunyai perasaan malu untuk menggunakan bahasa Jawa walaupun ingin berkomunikasi dengan orang Jawa. Oleh itu, mereka memilih untuk menggunakan bahasa Melayu berbanding bahasa Jawa. Masyarakat Jawa juga berpendapat bahawa mereka akan dikaitkan dengan arus kemodenan sekiranya menggunakan bahasa Melayu (Harun & Yusuf, 2015).

4.6 Mekanisme yang relevan dalam melestarikan bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat Jawa di Kampung Parit Lapis Laman, Johor.

Penggunaan bahasa Jawa semakin hari semakin berkurangan terutamanya dalam kalangan generasi muda. Pengaruh bahasa Melayu merupakan antara faktor yang menyebabkan penggunaan bahasa Jawa semakin rendah (Harun & Yusof, 2015). Oleh itu, mekanisme yang relevan perlulah dilakukan bagi melestarikan penggunaan bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat Jawa di Kampung Parit Lapis Laman, Johor.

4.6.1 Pelestarian Bahasa Jawa

Terdapat beberapa langkah pelestarian yang perlu dilaksanakan bagi mengekalkan penggunaan bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat di Kampung Parit Lapis Laman, Johor. Berdasarkan pernyataan yang diberikan oleh Responden 3, beliau menyatakan bahawa *“Kena kesedaran tu daripada ibu bapa lah. Kena praktiskan dekat rumah pertuturan tu dalam bahasa Jawa. Kalau tak dia akan sedikit demi sedikit hilang lah”*. (Responden 3, Temu bual, 23 September 2021).

Berdasarkan pernyataan yang diberikan oleh Responden 3, menurut beliau langkah pelestarian yang boleh dilakukan bagi mengekalkan penggunaan bahasa Jawa adalah ibu bapa perlulah mempunyai kesedaran untuk mengamalkan penggunaan bahasa Jawa dalam kalangan anak-anak yang berada di rumah. Menurut beliau juga sekiranya bahasa Jawa tidak diamalkan, bahasa Jawa tersebut akan hilang ditelan zaman. Kenyataan ini telah disokong oleh Responden 4 yang menyatakan bahawa *“bagi saya kena ajar cakap Jawa*

lah dalam family tu. Saya kadang-kadang cakap dengan budak-budak [anak-anak] ni suruh cakap Jawa lah... ”. (Responden 4, Temu bual, 23 September 2021).

Berdasarkan pernyataan yang diberikan oleh Responden 4, beliau turut menyatakan langkah pelestarian yang boleh dilakukan bagi mengekalkan penggunaan bahasa Jawa adalah dengan menggunakan bahasa Jawa dalam keluarga. Penggunaan bahasa Jawa perlulah dimulakan oleh ibu bapa. Responden 4 juga turut menjelaskan ibu bapa perlulah menggunakan bahasa Jawa untuk berkomunikasi dengan anak-anak mereka. Perkara ini terjadi kerana ibu bapa memainkan peranan yang penting bagi menggunakan bahasa ibunda mereka untuk berinteraksi dengan anak-anak mereka bagi memupuk nilai jati diri dalam kalangan generasi muda (Aman, 2014). Jelaslah bahawa langkah pelestarian bagi mengekalkan penggunaan bahasa Jawa perlulah dimulakan oleh ibu bapa dalam sesebuah keluarga.

Seterusnya, berdasarkan pernyataan yang diberikan oleh Responden 2, langkah pelestarian dalam mengekalkan penggunaan bahasa Jawa adalah dengan “...*tubuhkan kelab bermakna siapa post kena cakap Bahasa Jawa. Yang tak pandai cakap Jawa dia boleh belajar. Walaupun dia salah, kita akan betulkan. Semua dalam group ni tak boleh cakap BM*”. (Responden 2, Temu bual, 22 September 2021).

Berdasarkan pernyataan yang diberikan oleh Responden 2, beliau telah menjelaskan bahawa langkah pelestarian dalam mengekalkan penggunaan bahasa Jawa adalah dengan menubuhkan kelab bahasa Jawa dalam media sosial. Menurut beliau lagi, kelab bahasa Jawa yang ditubuhkan perlulah menggunakan bahasa Jawa sepenuhnya dan tidak boleh menggunakan bahasa Melayu. Tujuan penggunaan bahasa Jawa dalam kelab tersebut adalah untuk membantu golongan muda yang tidak mahir dalam bahasa Jawa untuk belajar

mempraktikkan penggunaan bahasa Jawa. Kenyataan ini telah disokong oleh Responden 4 yang menyatakan langkah pelestarian dalam mengekalkan penggunaan bahasa Jawa adalah dengan “*Tubuhkan kelab macam dekat Facebook. Kelab Bahasa Jawa. Ada orang muda yang minat. Kelab macam ni dia akan buat perjumpaan tau dan boleh mengeratkan silaturahim. Pada masa sama anak muda boleh belajar cakap Bahasa Jawa*”. (Responden 4, Temu bual, 23 September 2021).

Berdasarkan pernyataan yang diberikan oleh Responden 4, antara langkah pelestarian dalam mengekalkan penggunaan bahasa Jawa adalah dengan menubuhkan kelab bahasa Jawa di media sosial seperti di ‘Facebook’. Penubuhan kelab di ‘Facebook’ dapat menarik minat golongan muda untuk menyertai kelab tersebut. Menurut beliau juga, kelab bahasa Jawa yang ditubuhkan kebiasaannya akan membuat perjumpaan yang bertujuan untuk mengeratkan hubungan silaturahim antara masyarakat Jawa. Semasa perjumpaan tersebut kebiasaannya akan menggunakan bahasa Jawa. Oleh itu, golongan muda dapat mempelajari mengenai bahasa Jawa. Ini kerana pertubuhan kelab atau persatuan yang berkait dengan bahasa ibunda akan dapat memupuk semangat cinta akan bahasa mereka dalam kalangan penduduk tempatan (Kamarudin, 2011). Perkara ini dapat menjelaskan bahawa penubuhan kelab bahasa Jawa dapat dijadikan sebagai langkah pelestarian bagi mengekalkan penggunaan bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat Jawa.

4.7 Kesimpulan

Bab ini telah menerangkan mengenai analisis kajian dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah pemerhatian, temu bual dan analisis data berdasarkan objektif kajian yang telah ditetapkan iaitu mengenal pasti variasi bahasa Jawa yang digunakan di

Kampung Parit Lapis Laman, Johor pada masa kini, mengkaji penggunaan bahasa Jawa oleh masyarakat di Kampung Parit Lapis Laman, Johor pada masa kini, dan menganalisis mekanisme yang relevan dalam melestarikan bahasa Jawa di Kampung Parit Lapis Laman, Johor. mekanisme yang relevan dalam melestarikan bahasa Jawa di Kampung Parit Lapis Laman, Johor. Dapatan kajian yang diperolehi telah dihuraikan secara terperinci dalam bab ini berdasarkan kaedah kajian yang telah digunakan bagi mengumpul data mengenai tajuk kajian ini. Kaedah kajian yang digunakan adalah dengan membuat pemerhatian di kawasan kajian dan melakukan temu bual bersama masyarakat di Kampung Parit Lapis Laman, Johor. Perbincangan dan analisis yang telah dihuraikan dalam bab ini telah memberi penjelasan secara mendalam dan terperinci mengenai tajuk dan objektif kajian.

BAB LIMA

KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.0 Pengenalan

Bab lima membincangkan mengenai keseluruhan bab di dalam kajian ini. Bab lima terbahagi kepada tiga bahagian iaitu perbincangan, cadangan dan rumusan.

5.1 Perbincangan

Kajian ini adalah untuk mengkaji mengenai pelestarian bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat di Kampung Parit Lapis Laman, Johor. Kajian ini juga turut mengandungi lima bab dan setiap bab mempunyai subtopik.

Bab satu menerangkan mengenai pengenalan kajian yang meliputi pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, kepentingan kajian, skop kajian dan kesimpulan. Bahasa Jawa merupakan bahasa warisan yang perlu digunakan dan diamalkan dalam pertuturan seharian bagi masyarakat Jawa terutamanya dalam kalangan generasi muda. Tujuan penggunaan bahasa Jawa adalah supaya bahasa Jawa ini dapat dipelihara dan dikekalkan sehingga ke generasi akan datang. Bahasa Jawa yang dipelihara ini juga akan dapat membantu untuk memelihara populasi masyarakat berketurunan Jawa daripada hilang ditelan zaman.

Bab dua pula membincangkan mengenai kajian literatur dan kerangka teori yang berkaitan dengan bahasa Jawa. Bab ini menjelaskan mengenai sejarah dan perkembangan masyarakat Jawa di Malaysia, budaya dan warisan masyarakat Jawa di Malaysia, warisan budaya tidak ketara masyarakat Jawa di Malaysia, budaya merupakan sebahagian daripada warisan budaya tidak ketara iaitu bahasa Jawa, kepentingan bahasa kepada masyarakat, lokasi orang Jawa dan bagaimana mereka berhubung setiap hari serta teori interaksi simbolik yang digunakan dalam penggunaan bahasa Jawa.

Bab tiga menjelaskan mengenai metodologi kajian dan kaedah analisis yang digunakan dalam kajian ini. Kajian ini telah menggunakan pendekatan kualitatif dalam proses pengumpulan data. Kaedah pengumpulan data kualitatif yang digunakan adalah merangkumi sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer yang digunakan adalah melalui jenis pemerhatian turut serta dan pemerhatian tidak turut serta. Kaedah temu bual separa berstruktur juga adalah merupakan sumber primer yang digunakan dalam kajian ini. Sumber sekunder yang digunakan pula adalah dengan mendapatkan maklumat daripada kamus, buku, dan artikel jurnal yang didapati daripada sumber internet.

Bab empat pula menerangkan mengenai dapatan kajian dan kaedah analisis yang telah diperolehi daripada temu bual responden. Maklumat yang diperolehi kemudiannya telah dianalisis dengan menggunakan kaedah analisis tematik. Hasil dapatan kajian telah menunjukkan bahawa masyarakat di Kampung Parit Lapis Laman, Johor masih menggunakan bahasa Jawa dalam komunikasi harian.

5.2 Penemuan Utama

Kajian penyelidikan yang dijalankan bertujuan untuk mendedahkan kepada golongan muda masyarakat Jawa mengenai kepentingan memelihara bahasa ibunda mereka iaitu bahasa Jawa. Penggunaan bahasa Jawa yang semakin berkurangan dalam kalangan golongan muda masyarakat Jawa pada masa kini amat membimbangkan. Perkara ini berlaku disebabkan oleh terdapat banyak cabaran dalam mengekalkan penggunaan bahasa Jawa. Namun begitu, mekanisme yang relevan dalam melestarikan penggunaan bahasa Jawa telah dibincangkan dalam kajian ini.

Setiap golongan masyarakat Jawa perlulah memainkan peranan dalam memelihara bahasa Jawa agar tidak hilang ditelan zaman. Golongan muda juga perlulah mempunyai pemikiran untuk memartabatkan bahasa ibunda mereka iaitu bahasa Jawa. Bahasa Jawa perlulah dikekalkan agar identiti masyarakat Jawa tidak mengalami kepupusan di negara ini. Penguasaan dalam bahasa Jawa juga mempunyai banyak kepentingan. Antara kepentingan menguasai bahasa Jawa adalah dapat mempunyai kefahaman dalam pelbagai bahasa. Penguasaan dalam bahasa Jawa juga dapat meningkatkan ilmu pengetahuan seseorang individu. Penguasaan bahasa Jawa dalam kalangan golongan muda masyarakat Jawa juga dapat memudahkan individu tersebut untuk bercampur dalam kalangan golongan tua. Ini kerana golongan tua masyarakat Jawa lebih selesa untuk berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Jawa berbanding bahasa Melayu. Perkara ini berlaku kerana golongan tua telah dibesarkan dengan penggunaan bahasa Jawa sejak mereka kecil.

Walau bagaimanapun, mekanisme yang relevan dalam melestarikan penggunaan bahasa Jawa telah dibincangkan dalam kajian ini. Antara mekanisme yang relevan dalam melestarikan bahasa Jawa adalah ibu bapa perlulah memainkan peranan dalam penggunaan bahasa Jawa. Ibu bapa perlulah mendedahkan penggunaan bahasa Jawa kepada anak-anak mereka sejak daripada kecil. Tujuan perkara ini dilakukan untuk memastikan anak-anak mereka sudah terbiasa dengan penggunaan bahasa Jawa. Penggunaan bahasa Jawa yang didedahkan kepada anak-anak daripada kecil juga dapat membantu anak-anak mereka secara automatik mudah untuk memahami dan dapat belajar mengenai bahasa Jawa.

Seterusnya, antara mekanisme yang relevan dalam melestarikan bahasa Jawa adalah masyarakat Jawa perlulah menubuhkan kelab bahasa Jawa dalam media sosial. Tujuan penubuhan kelab bahasa Jawa adalah untuk membantu golongan muda mempelajari bahasa Jawa. Kelab bahasa Jawa yang ditubuhkan juga perlulah mempraktikkan penggunaan bahasa Jawa. Oleh itu, golongan muda yang tidak mahir dalam penggunaan bahasa Jawa dapat mempraktikkan penggunaan bahasa Jawa apabila mereka berada dalam kelab bahasa Jawa tersebut. Kesannya, penubuhan kelab bahasa Jawa dapat membantu untuk mengekalkan bahasa Jawa daripada hilang ditelan zaman.

Jelaslah bahawa setiap individu masyarakat Jawa memainkan peranan dalam mengekalkan bahasa Jawa pada masa kini. Bahasa Jawa merupakan bahasa ibunda bagi masyarakat Jawa. Penggunaan bahasa Jawa yang semakin kurang mendapatkan sambutan terutamanya dalam kalangan generasi muda masyarakat Jawa boleh menyebabkan populasi masyarakat Jawa semakin hari semakin berkurangan. Oleh itu, pelestarian bahasa Jawa merupakan salah satu perkara yang penting bagi memelihara bahasa Jawa agar identiti masyarakat Jawa dapat dikekalkan. Ini kerana bahasa Jawa merupakan simbolik bagi masyarakat Jawa.

5.3 Cadangan

Bahasa Jawa merupakan bahasa ibunda bagi masyarakat Jawa. Terdapat banyak penyelidikan yang telah dijalankan mengenai bahasa Jawa. Namun begitu, berdasarkan pelbagai penyelidikan yang dijalankan, didapati bahasa Jawa semakin dipinggirkan oleh golongan muda masyarakat berketurunan Jawa. Oleh itu, kajian lanjut dapat diteruskan dengan menganalisis mekanisme yang relevan dalam melestarikan bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat Jawa. Tujuan pelestarian ini dilakukan adalah untuk mengelakkan daripada berlakunya kepupusan bahasa Jawa. Bagi mengekalkan bahasa Jawa, terdapat langkah yang perlu dilakukan untuk memastikan bahasa Jawa dapat dikekalkan.

Antara mekanisme yang relevan dalam melestarikan bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat Jawa bagi mengekalkan bahasa Jawa adalah ibu bapa perlulah mendedahkan penggunaan bahasa Jawa kepada anak-anak mereka sejak daripada kecil. Ibu bapa memainkan peranan yang penting dalam mengekalkan penggunaan bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat Jawa. Ini kerana ibu bapa merupakan seseorang yang paling rapat dengan anak-anak mereka. Ibu bapa juga merupakan orang pertama yang dipercayai oleh anak-anak mereka. Sebagai contoh, ibu bapa perlulah berkomunikasi dengan menggunakan bahasa Jawa. Kesannya, anak-anak mereka akan terbiasa dan boleh menerima dengan penggunaan bahasa Jawa. Pelestarian yang dilakukan ini dapat mengekalkan penggunaan bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat Jawa.

Kajian penyelidikan yang dijalankan secara teratur dan sistematik akan dapat menghasilkan satu kajian yang berfokus. Perkara ini akan membantu dalam menjawab setiap objektif yang dinyatakan oleh pengkaji. Kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengetahui sejauh

mana pengaruh bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat di Kampung Parit Lapis Laman, Johor. Dalam penulisan ilmiah ini juga membincangkan mengenai cadangan bagi melestarikan bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat Jawa. Secara kesimpulannya, masyarakat Jawa di Kampung Parit Lapis Laman, Johor dilihat masih menggunakan bahasa Jawa dalam komunikasi harian namun penggunaannya semakin hari semakin berkurang dalam kalangan generasi muda. Perkara ini diharapkan dapat membantu dalam memberi penjelasan mengenai pengaruh bahasa Jawa dalam kalangan masyarakat Jawa.

GLOSARI ISTILAH BAHASA JAWA HALUS

<i>Maternuon</i>	Terima kasih
<i>Kabare kenek?</i>	Apa khabar mak sedara?
<i>Sampien tenkundi?</i>	Awak dari mana
<i>Kulo</i>	Saya
<i>Sampien</i>	Awak
<i>Sampien punedi?</i>	Awak dah makan?
<i>Nedik/ Jahar</i>	Makan
<i>Tilem/ Sarei</i>	Tidur
<i>Luceng</i>	Sihat
<i>Enggeh</i>	Iya
<i>Dameng nopo?</i>	Tengah buat apa?
<i>Sampien dameng nopo? / Jenengen dameng nopo?</i>	Awak buat apa?
<i>Emboh rak ngertos</i>	Entah tak tahu
<i>Ngertos</i>	Tahu

GLOSARI ISTILAH BAHASA JAWA KASAR

<i>Terima kasih mokdek</i>	Terima kasih mak sedara
<i>Kabare mokdek?</i>	Apa khabar mak sedara?
<i>We ko ngendi?</i>	Awak dari mana?
<i>Riko</i>	Saya
<i>Koe</i>	Awak
<i>Kue wes mangan?</i>	Awak dah makan?
<i>Mangan/ Madang/ Badok (nada marah)</i>	Makan
<i>Turu</i>	Tidur
<i>Waras</i>	Sihat
<i>Iyo</i>	Iya
<i>Gaei opo?</i>	Tengah buat apa?
<i>Koe gaei opo?</i>	Awak buat apa?
<i>Emboh rak ngerti</i>	Entah tak tahu
<i>Ngerti</i>	Tahu
<i>Empon</i>	Dah
<i>Tereng</i>	Belum
<i>Opo iki?</i>	Apa ni?
<i>Embah</i>	Datuk/ Nenek
<i>Opo kabare? / Weng goyo opo?</i>	Apa khabar?
<i>Orak eneng</i>	Tak ada
<i>Kendelindi</i>	Periuk masak

<i>Sudetendi</i>	Sudip
<i>Guyup</i>	Mesra
<i>Bodho</i>	Hari Raya
<i>Rodong</i>	Bekas/ Telap
<i>Ngahpuro</i>	Maaf
<i>Jalok ngahpuro</i>	Minta maaf
<i>Sitik-sitik</i>	Sikit-sikit
<i>Teles</i>	Basah
<i>Goblok/ Pengor</i>	Bodoh
<i>Ngombe</i>	Minum
<i>Arep mengendi</i>	Nak pergi mana?
<i>Lumban</i>	Mandi parit
<i>Kapok</i>	Padan muka
<i>Endasmu</i>	Kepala kau
<i>Kuping</i>	Telinga
<i>Nguping</i>	Perbuatan mendengar perbualan orang lain secara senyap
<i>Siji</i>	Satu
<i>Loro</i>	Dua
<i>Telu</i>	Tiga
<i>Papat</i>	Empat
<i>Limo</i>	Lima
<i>Menggengan</i>	Merupakan aktiviti makan beramai-ramai di

Tingkepan/ mitoni

surau sebelum memasuki bulan puasa.

Merupakan adat melenggang perut yang dilakukan oleh ibu mengandung untuk memastikan kandungan sentiasa berada dalam keadaan baik.

Baraan

Merupakan aktiviti yang dilakukan pada 2 atau 3 Syawal pada Hari Raya Aidilfitri dengan mengunjungi rumah saudara, kenalan dan jiran tetangga dari rumah ke rumah. Ia juga membawa maksud berjalan secara beramai-ramai atau menziarahi secara beramai-ramai dalam ahli kumpulan pada Hari Raya Aidilfitri.

RUJUKAN

- Ahmad, S., Ismail, A., Ab Majid, A., & Aswad Ahmad, M. (2017). Ilmu Bela Diri Merentasi Pengajaran dan Pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi (IPT). *Persidangan Antarabangsa Kearifan Tempatan*, 1-14.
- Aji, L. S., Sugiharti, & Salimi, M. (2018). Analysis of Javanese Language Vocabulary Skill for Elementary School Student in Kebumen District. *3rd National Seminar on Educational Innovation (SNIP 2018)*, 263-268.
- Akta Warisan Kebangsaan, 2005 (Akta 645)
- Aman, M. (2014, April 14). *Generasi muda perlu tangani masalah kepupusan bahasa ibunda - Musa*. Retrieved from Astro Awani: <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/generasi-muda-perlu-tangani-masalah-kepupusan-bahasa-ibunda-musa-33812>
- Bakar, M. A. (2013, Disember 8). *Memperluas Peranan Bahasa Ibunda*. Retrieved from Singapura Berita Harian: <https://www.beritaharian.sg/bahasa-budaya/memperluas-peranan-bahasa-ibunda>
- Basir, N., Ab Rahim, I. S., & Abdul Halim, M. Z. (2020). Analisis Tingkah Laku Sosiologi Masyarakat Berasaskan Teori Interaksionisme melalui Perangkaan Data Kes COVID-19 di Malaysia. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature Jilid 11 Edisi Khas*, 11-30.

- Bhasin, H. (2020, March 5). *Observation Methods - Definition, Types, Examples, Advantages*. Retrieved from Marketing91: <https://www.marketing91.com/observation-method>
- Blumer, H. (1984). The Methodological Position of Symbolic Interactionism. In H. Blumer, *Symbolic Interactionism Perspektif and Method* (pp. 1-60). London: University of California Press.
- Braun, V. & Clarke, V. (2006). Using Thematic Analysis In Psychology. *Qualitative Research In Psychology*, 77-101.
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2021). *Pusat rujukan dan persuratan Melayu*. Available at: <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=dialek>
- Dewan Bahasa dan Pustaka. (2021). *Pusat rujukan dan persuratan Melayu*. Available at: <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=rewang>
- Easwaramoorthy, M., & Zarinpoush, F. (2006). Interviewing For Research. *Canada Volunteerism Initiative*, 1-2.
- Edward B. Tylor, *Primitive Culture*. (New York: Harper Torchbooks, 1958. Fortin, N.D., *Food Regulation: Law, Science, Policy and Practice*, (New Jersey: John Wiley & Sons, 2009), 35.
- Explorable.com. (2009, April 24). Explorable.com. Retrieved from Snowball Sampling: <https://explorable.com/snowball-sampling>
- Fauzan, M. K. (2015). Jati Diri Club Motor Honda CB Smile Surabaya, Strategi Mempertahankan, dan Pandangan Masyarakat. 35-49.

- Flatt, J., Hughes, T., Documet, P., Lingler, J., Trauth, J., & Albert, S. (2016). A Qualitative Study on the Types and Purposes of Social Activities in Late Life. *HHS Public Access*, 1-22.
- Halid, A. (2019, November 13). *Bahasa Kiasan Dalam Filem P. Ramlee Teguran Terhadap Masyarakat Masa Kini*. Retrieved from Astro Awani:
<https://www.astroawani.com/berita-malaysia/bahasa-kiasan-dalam-filem-p-ramlee-teguran-terhadap-masyarakat-masa-kini-222400>
- Hartati, T. (2009). Peranan Bahasa dalam Penelitian di Perguruan Tinggi. *Jurnal, Pendidikan Dasar*, 1-3.
- Harun, K., & Yusof, M. (2015). Komunikasi Bahasa Melayu-Jawa dalam Media Sosial. *Jurnal Komunikasi Malaysia Journal of Communications Jilid 31 (2)*, 617-629.
- Hashim, N., Mahmor, N. A., Ahmad, A. A., & Yahya, M. A. (2016). Bahasa Slanga dalam Komik Kanak-Kanak. *2nd International Convention on Islam, Science & Education*, 1-10.
- Heale, R., & Forbes, D. (2013). Understanding Triangulation In Research. *Evid Based Nurs*, 98.
- Henry, R. R. (2021, March 9). *Encyclopedia Britannica*. Retrieved from Language:
<https://www.britannica.com/topic/language>
- Howitt, D. (2010). *Introduction to Qualitative Methods in Psychology*. England: Pearson Education Limited.

- Jasmi, K. A. (2012). Metodologi Pengumpulan Data Dalam Penyelidikan Kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1 2012*, 1-14.
- Kamarudin, R. P. (2011, Oktober 27). *Cadangan Penyelesaian Kepada Kemelut Bahasa Malaysia*. Retrieved from Malaysia Today Founded 2004: <https://www.malaysia-today.net/2011/10/27/cadangan-penyelesaian-kepada-kemelut-bahasa-malaysia/>
- Khalid, A. (2019). Keunikan Seni Persembahan Kemplangan Cerminan Masyarakat Jawa Johor: Kajian Kes di Parit Kassan, Muar. 1-77.
- Khazanah, D. (2012). Kedudukan Bahasa Jawa Ragam Krama pada Kalangan Generasi Muda: Studi Kasus di Desa Randegan Kecamatan Dawarblandong, Mojokerto dan di Dusun Tutul Kecamatan Ambulu, Jember. *Pengembangan Pendidikan, Vol. 9, No. 2* , 457-466.
- Kumar, R. (2010). *Research Methodology: A Step-by-Step Guide for Beginners*. New Delhi: SAGE Publications Ltd.
- Laila, W. N. (2016). Konsep Diri Remaja Muslim Pengguna Bahasa Jawa Krama. *Profetik Jurnal Komunikasi*, 61-69.
- Laksmi. (2017). Teori Interaksionisme Simbolik dalam Kajian Ilmu Perpustakaan dan Informasi. *Journal of Library and Information Science*, 121-138.
- Lebron , A. (2013). What is Culture? *Merit Research Journal*, 126-132.
- Lee HW (2006). International human resource management can be achieved through cultural studies and relevant training. *The Business Review*, 5(2), 95. retrieved from: ProQuest.

- Likin, S. (2009). Kelestarian Budaya Orang Melayu Keturunan Jawa dan Perdamaian: Kajian Kes di Pontian Johor. *Simposium Kebudayaan Indonesia - Malaysia (SKIM) XI*, 1-15.
- Linneberg, M. S., & Korsgaard, S. (2019). Coding Qualitative Data: a Synthesis To Guide The Novice. *Qualitative Research Journal*, 1-27.
- Macmillan English Dictionary. Edisi Pertama. (2002). United Kingdom: Bloomsbury Publishing.
- Maiwan, M. (2011). Orang Jawa di Selangor: Studi Tentang Pembentukan Identitas Komunitas Jawa di Kampung Semarang, Dengkil, Selangor-MAlaysia. *osen Prodi PPKn, Jurusan Ilmu Sosial Politik, Fakulti Ilmu Sosial Universitas Negeri Jakarta*, 50-51.
- Meguire, M., & Delahunt, B. (2017). Doing A Thematic Analysis: A Practical, step-by-Step Guide for Learning and Teaching Scholars. *All Ireland Journal of Teaching and Learning in Higher Education (AISHE-J)*, 1-14.
- Mohamed, N. A., & Hassan, N. A. (2019). Pengukuhan Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Perpaduan di Institusi Pengajian Tinggi Swasta. *Malaysian Journal of Social Science and Humanities (MJSSH)*, 19-28.
- Mohd Yuszaidy Mohd Yusoff. 2015. *Undang-undang dan Akta Perlindungan Warisan Kebudayaan di Malaysia: Satu Analisi Perkembangannya*. Doktor Falsafah Tidak diterbitkan. Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu, Bangi.
- Omar, A. (1988). In *Susun Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Omar, H., & Salleh, F. F. (2018). Konsep Bertamu dalam Sunnah: Satu Tinjauan. *Hadith Research Institute (INHAD)*, 775-779.
- Pawit, M. F., & Said, N. S. (2014). Pengaruh Bahasa Jawa dalam Pembauran Kod Golongan Muda Melayu Berketuunan Jawa. *International Journal of the Malay World and Civilisation* 2 (3), 77-85.
- Poedjosoedarmo, S. (1979). Tingkat tutur bahasa Jawa (Vol. 8). *Pusat Pembinaan dan Pengembangan Bahasa, Department Pendidikan dan Kebudayaan*.
- Ramli, M. A., & Jamaludin, M. A. (2016). Budaya Makanan dan Pemakanan Halal dalam Kalangan Masyarakat Menurut Perspektif Islam. *Cadangan dan Rumusan dalam Menangani Salah Faham Penggunaan Istilah Sunnah dalam Pemakanan*, 195-206.
- Razak, M. R. (2009). Pembinaan Negara Bangsa Malaysia: Peranan Pendidikan Sejarah dan Dasar Pendidikan Kebangsaan. *JEBAT: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 90-106.
- Regoli, N. (2019, April 10). *6 Advantages and Disadvantages of Multilingualism*. Retrieved from ConnectUS: <https://connectusfund.org/6-advantages-and-disadvantages-of-multilingualism>
- Ritzer, G. (2011). Chapter 10: Symbolic Interactionism. In G. Ritzer, *Sociological Theory* (pp. 351-390). New Year: McGraw-Hill.
- Rofil, L. F., Syed, M. A., & Hamzah, A. (2015). "Jadi Melayu": Televisyen dan Pembentukan Identiti Wanita Keturunan Jawa di Malaysia. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication Jilid 31 (1)*, 41-58.

- Rusdi, M., Abdul Rahman, M. H., Ahmad, S., & Othman, H. (2012). Pengenalan kepada Konsep Warisan Islam dan Pemeliharaanya Menurut Perspektif Al-Quran. *Journal of Technology*, 1-19.
- Shahbuddin, A. Z.-Q., & Omar, M. S. (2020). Pengekalan Kosa Kata Budaya dalam Kalangan Generasi Muda Masyarakat Jawa. *ISSN 1823-9242 Jurnal Linguistik Vol. 24 (1)*, 81-93.
- Siregar, N. S. (2011). Kajian Tentang Interaksionisme Simbolik. *Jurnal Ilmu Sosial-Fakultas Isipol Uma*, 100-110.
- Streefkerk, R. (2019, April 12). *Qualitative Vs. Quantitative Research*. Retrieved from Scibbr: <https://www.scribbr.com/methodology/qualitative-quantitative-research/>
- Sudirman, N., & Hamid, Z. (2016). Pantun Melayu Sebagai Cerminan Kebitaraan Perunggu Minda Melayu. *Jurnal Melayu Bil. 15 (2)*, 145-159.
- Sukimi, M. F. (2009). Komuniti Madura di Malaysia: Satu Pengamatan Antropologikal tentang Aspek Kepimpinan. *Akademika 76 (Mei - Ogos)*, 3-25.
- Talha, K. (2015, April). Kembara Plus Online. Kuala Lumpur, Selangor, Malaysia.
- Tamrin, K. M. (1977). Orang Jawa di Selangor Kedatangan dan Penempatan. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics and Strategic Studies*, 68-85.
- Taofik, A. (2015). Wanita Pedagang Asongan Plus-Plus (Studi Deskriptif Pemakanan Wanita Pedagang Asongan di Pasar Hewan Desa Banjarjo Padangan Bojonegoro) . 1-18.
- Undang-undang Malaysia Perlembagaan Persekutuan*. (1963).

- UNESCO. (2003). *Convention for the Safeguarding of Intangible Cultural Heritage*. Retrieved from <http://www.unesco.org/culture/ich/index.php?lg=es&pg=00006>
- Wahid, A., & Ayob, R. (2012). Unit 8: Konsep dan Teori Kebudayaan. In A. Wahid, & R. Ayob, *Modul BML 3113: Sejarah Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu* (pp. 154-174). Tanjong Malim: FBK, UPSI.
- Walsham, G. (2002). Cross-Cultural Software Production and Use: A Structural Approach. *MIS Quarterly*, 26(4), 359-380.
- Wijana, I. D. (2008). Kata-Kata Kasar dalam Bahasa Jawa. *Humaniora*, Vol. 20, 249-256.
- Williams, J. P. (2008). Nonparticipant Observation. In N. T. University, *Sage Encyclopedia Of Qualitative Research Methods* (pp. 561-562). Singapore: Sage.
- Yana, Z. J., & Yew, V. W. (2017). Amalan Rewang dalam Masyarakat Jawa di Malaysia. *Geografia Online TM Malaysia Journal of Society and Space 13 Issue 3*, 53-64.
- Yusof, N. M. (2011). Language and Ethnic Boundary among Students of Various Ethnicities. *Jurnal Pendidikan Sains Sosial dan Kemanusiaan 4(2)*, 211-228.
- Yusoff, Y. M., Dollah, H., & Kechot, A. S. (2011). Akta Warisan Kebangsaan, 2005: Tinjauan Sepintas Lalu. *Jurnal Melayu (8)*, 173-188.
- Zustiyantoro, D. (2013, Febuari 21). *Mahasiswa Hendaknya Bangga Berbahasa Daerah*. Retrieved from UNNES UNIVERSITAS NEGERI SEMARANG: <https://unnes.ac.id/berita/mahasiswa-hendaknya-bangga-berbahasa-daerah.html>